

# **KEARIFAN LOKAL DALAM SELOKA PAK KADUK & PAK PANDIR: ASPEK SINDIRAN DAN KENYATAAN**

**MOHAMMAD NOR FAHMI ADAHA BIN CHE AYUB  
C18A0122**

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN  
KELANTAN  
2022



**KEARIFAN LOKAL DALAM SELOKA PAK  
KADUK & PAK PANDIR: ASPEK SINDIRAN DAN  
KENYATAAN**

**OLEH**

**MOHAMMAD NOR FAHMI ADAHA BIN CHE AYUB  
C18A0122**

**UNIVERSITI  
TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input type="checkbox"/>	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input checked="" type="checkbox"/>	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
<input checked="" type="checkbox"/>	SULIT	Dari tarikh _____ sehingga _____ (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
<input checked="" type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

Tandatangan

980406-03-6473

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 15 Disember 2021

---

Tandatangan Penyelia

AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI  
PENSYARAH  
PAKULI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Nama Penyelia : Afidatul Syazwani  
Binti Afandi

Tarikh : 26 Februari 2022

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji ke hadrat ilahi atas limpahan rahmat dan inayah-Nya dapatlah pengkaji menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas rasul junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W

Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Afidatul Syazwani Binti Afandi, selaku penyelia yang telah banyak memberikan dorongan dan bimbingan untuk menjalankan kajian ini dan banyak memberikan sokongan moral kepada pengkaji sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan bagi menyediakan segala perkara yang berkaitan dengan tesis ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan oleh beliau dalam menyiapkan kajian ini, amat pengkaji hargai dan sanjungi. Semoga Allah S.W.T melimpahkan rahmat-Nya atas segala jasa baik yang dihulurkan.

Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada kedua ibu bapa pengkaji serta keluarga yang tidak jemu-jemu memberi semangat kepada pengkaji untuk menyiapkan penulisan esei ilmiah ini. Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih diucapkan kerana sudi memberi bantuan kepada pengkaji seperti sentiasa memberi sokongan dan memberi idea. Semoga segala usaha dan cita-cita kita diberkati Allah hendaknya.

Akhir kata, pengkaji ingin menghulurkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala budi dan jasa yang kalian hulurkan hanya Allah S.W.T yang dapat membalaunya. Semoga kita beroleh rahmat dan perlindungan daripada Allah S.W.T.

**SENARAI KANDUNGAN**

Judul	
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Senarai kandungan	iii-v
Abstrak	vi
Abstract	vii

**BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2-4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Kepentingan kepada Individu	7
1.7.2 Kepentingan Kepada Institusi	7
1.7.3 Kepentingan Kepada Masyarakat	8
1.7.4 Kepentingan Kepada Negara	7
1.8 Penutup	9

**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	10
2.2 Sorotan Kajian Definisi Seloka Menurut Sarjana	10-17
2.3 Sorotan Kajian Lepas	18-36
2.4 Penutup	37

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	39
3.2 Kaedah kualitatif	40
3.3 Poses Pengumpulan Data	40
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	41
3.3.2 Kaedah Internet	41
3.3.3 Kaedah Pertalian Teks	41
3.4 Kerangka konseptual	42
3.5 Kaedah Analisis Data	43
3.5.1 Pendekatan Estetik Bahasa	43
3.5.2 Pendekatan Kearifan Lokal	44
3.5.3 Pendekatan Aspek Sindiran	45
3.5.4 Pendekatan Aspek Pemikiran	45-46
3.5.5 Pendekatan Dari Segi Bentuk & Sifat Seloka	47
3.6 Penutup	47

**BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	48
4.2 Fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi	
4.2.1 Berfungsi untuk mendidik masyarakat	48-51
4.2.2 Berfungsi untuk memberi nasihat	51-54
4.2.3 Berfungsi untuk memberi tauladan	54-55
4.3 Aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial masyarakat dalam seloka Melayu	
4.3.1 Teguran	55-56
4.3.2 Kesedaran	56-57
4.3.3 Akhlak	57-58

4.4 Bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka	
4.4.1 Pengajaran jangan melibatkan diri dalam kegiatan haram	58-59
4.4.2 Pengajaran jangan ambik kesempatan terhadap golongan bawahan	59-60
4.4.3 Pengajaran jangan bersikap tamak haloba	60-61
4.4.4 Pengajaran jangan malas berusaha	62
4.4.5 Pengajaran jangan mudah percaya orang asing	62-63
4.5 Penutup	64

**BAB 5: CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	65
5.2 Cadangan	66
5.2.1 Peranan pelajar sekolah	66
5.2.2 Peranan pihak kementerian pelajaran Malaysia	67
5.2.3 Peranan guru	67
5.2.4 Peranan pihak kerajaan	68
5.3 Implikasi Kajian	68-69
5.4 Rumusan	70
5.5 Penutup	71
<b>BIBLIOGRAFI</b>	72-74

## **Abstrak**

Kajian ini dilakukan memfokuskan kepada Kearifan Lokal yang terdapat dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir melalui dari segi aspek sindiran dan kenyataan. Kearifan Lokal bermaksud bahagian dari budaya suatu masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa masyarakat itu sendiri. Hal ini dikatakan ianya merupakan warisan dari orang terdahulu. Disamping itu, kearifan lokal atau *local wisdom* ini biasanya diwariskan secara turun-temurun dari generasi ke generasi melalui cerita dari mulut ke mulut. Kearifan lokal biasanya terdapat pada cerita rakyat, peribahasa, lagu hingga permainan dalam kalangan rakyat. Manakala seloka merupakan satu tujuan untuk menyindir masyarakat tradisi misalnya dari segi aspek sosial melalui kearifan lokal agar dapat melahirkan keharmonian dan ketatasusilaan. Terdapat tiga objektif kajian dalam tugasan ini adalah yang pertama untuk mengenalpasti fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi. Kedua pula ialah mengkaji aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial masyarakat dalam seloka Melayu. Seterusnya, yang ketiga ialah menganalisis bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka. Dalam kajian ini pengkaji banyak menggunakan sumber-sumber rujukan seperti sorotan kajian lepas, jurnal, buku-buku ilmiah, akhbar, kepustakaan internet dan sebagainya bagi menyiapkan tugasan ini. Hasil dapatan kajian dan analisis terhadap aspek sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir mendapati bahawa menghasilkan puisi tradisional seloka bukan sahaja bersifat lawak jenaka ataupun hiburan semata-mata namun, seloka mempunyai banyak iktibar disebalik aspek sindiran itu dan maksud yang terkandung iaitu mempunyai mesej pengajaran, pendidikan, nasihat kepada khalayak dan pembaca. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa penggunaan kearifan lokal dalam seloka terhadap kalangan masyarakat tradisional adalah sebenarnya sebagai satu alat komunikasi untuk menyedarkan serta memberi impak yang positif kepada khalayak mahupun pembaca dalam membina jati diri dan tingkah laku dalam kehidupan seseorang individu.

Kata Kunci: Kearifan Lokal, Sindiran, Kritikan, Lawak Jenaka, Pengajaran, Seloka.

## **ABSTRACT**

*This study focuses on the Local Wisdom found in Pak Kaduk and Pak Pandir in terms of satire and statement. Local wisdom means the cultural part of a society that is inseparable from the language of the society itself. It is said that it is a legacy from ancient times. In addition, this local wisdom is usually inherited from generation to generation through word of mouth. Local wisdom is usually found in folklore, proverbs, songs to games among the community. While seloka is the purpose to ridicule the traditional society for example from the social aspect through local wisdom in order to produce harmony and morality. There are three objectives in this task the first is to identify the function of seloka as entertainment to the traditions of the community. The second is to study aspects of satire as a means of social control in the community seloka. While the third is to analyze the form of teaching that can be taken from the gutter. In this study, researchers use many reference sources such as highlights of previous studies, journals, scholarly books, newspapers, internet libraries and so on to complete this task. The results of research and analysis on the aspect of satire in seloka Pak Kaduk and Pak Pandir found that producing traditional seloka poetry is not only a joke or entertainment but researchers can uncover that seloka has an implicit meaning behind the aspect of satire and the meaning contained. i.e. having a message of teaching, education, advice to the audience and readers. The results of this study found that the use of local wisdom in seloka to traditional society is actually as a communication tool to increase awareness and have a positive impact on the audience and readers in building identity and behavior in one's life.*

*Keywords:* Local Wisdom, Satire, Criticism, Jokes, Teaching, Seloka.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Seloka merupakan salah satu bidang yang sangat penting dalam bidang sastera Melayu. Seloka Melayu merupakan lambang dan simbolik kepada nilai bangsa Melayu yang banyak mengandungi aspek adab tatatusila yang sangat tinggi. Penghasilan seloka sangat berkait rapat dengan aspek bahasa dan mempunyai nilai moral yang berunsurkan kritikan. Aspek bahasa yang berlapik dan tersirat merupakan satu fungsi yang utama digunakan bagi menyampaikan nilai moral dalam sesbuah seloka tersebut. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa yang baik mampu menarik minat para pembaca untuk memahami nilai moral yang ingin disampaikan. Disamping itu, penggunaan bahasa yang tersirat terutamanya dalam seloka ke alam Melayu berfungsi untuk memberi gambaran kehidupan yang baik disebalik unsur tersirat itu. Walaupun bahasa yang disampaikan dalam seloka ke alam Melayu tidak digunakan secara terus terang namun, banyak nilai disebaliknya. Bahasa tersirat digunakan ke alam Melayu dalam seloka kepada masyarakat juga merupakan satu cara alat komunikasi untuk mendidik dan menegur disebalik aspek sindiran yang disampaikan secara tersirat itu. Melalui konteks dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah “Kearifan Lokal dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir melalui aspek sindiran dan kenyataan”. Seloka merupakan satu tujuan untuk menyindir masyarakat tradisi misalnya dari segi aspek sosial melalui kearifan lokal agar dapat melahirkan keharmonian dan ketatasusilaan. Bersesuaian dengan sifat halus orang Melayu, seloka digunakan berfungsi untuk mengkritik sebarang perlakuan negatif anggota masyarakat Melayu tradisi tanpa menyinggung perasaan individu sasaran dan penyampaiannya tersifat tersirat.

## 1.2 LATAR BELAKANG

Seloka merupakan satu bentuk puisi melayu klasik yang berunsurkan pepatah maupun perumpaan yang mengandungii unsur gurau senda, hiburan, sindiran bahkan ejekan. Seloka ini berisikan tentang cerita yang dikenal dalam masyarakat melayu tradisi contohnya seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Sejarah seloka ialah berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu “shloka” atau *anustubh*. Dalam bahasa melayu pula, seloka bermakna erti untuk berseloroh, berjenaka atau menyindir. Seloka merupakan puisi yang paling tua dalam kesusasteraan melayu. Seloka dipercayai datang ke alam melayu bersama-sama perkembangan agama Hindu di Asia Tenggara. Bentuk ini pada asalnya terdapat di dalam kitab tua India iaitu Mahabharata dan juga Ramayana. Istilah seloka merujuk kepada puisi melayu bebas yang tidak mempunyai bentuk tertentu iaitu dari segi rangkap, jumlah baris, samada mempunyai irama ataupun sebaliknya. Seloka sebuah puisi yang menggunakan dua baris atau dua kerat, yang setiap berbeza 16 kata, yang disusun dalam empat unit. Dalam kesusasteraan Melayu tradisional, seloka merupakan sebuah puisi yang bebas dari segi rangkap sama ada berangkap atau tidak. Jika berangkap, barisnya dalam serangkap dan tidak tentu jumlah bilangan dalam sebaris. Seloka juga boleh memerlukan rima atau tidak. Dari segi bentuk pula, seloka seakan hampir sama seperti gurindam dan talibun. Menurut Harun Mat Piah pada tahun 1989, beliau menjelaskan bahawasanya seloka kebiasaannya menggunakan beberapa baris atau rangkap untuk melengkapkan keseluruhan idea. Menurut pandangan sarjana iaitu Za’ba pada 1965 mengatakan bahawa seloka ialah susunan kata yang berangkap dan mempunyai perbezaan bunyi pada hujung rima. Menurut Simongkir, seloka adalah peribahasa atau pepatah yang didalamnya diberikan lampiran. Atau seloka adalah bidal atau pepatah yang berirama. Menurut Hooykaas pula, seloka adalah pantun yang di dalamnya mengandungi ibarat atau berisikan nasihat-nasihat. Disamping itu, seloka dikarang untuk menyampaikan kritikan dan sindiran terhadap permasalahan yang terjadi dalam kolompok masyarakat. Kaedah penyampaian sindiran kritikan diterjemahkan dalam bentuk yang berkias ibarat. Menurut Darus pada tahun 1960 beliau berpandangan seloka merupakan sebuah karangan puisi yang penuh sindiran atau ejekan dalam benuk berangkap-rangkap. Secara amnya, ia terdiri daripada ungkapan seajar yang melebihi daripada dua baris, mempunyai kadensa yang sama seperti talibun dan prosa berirama. Satu ciri penting bagi seloka adalah ia mempunyai maksud mengejek, menyindir secara serius atau jenaka, mengkritik tingkah-laku dan sifat negatif.

Dari segi bentuk, seloka sama seperti puisi bebas yang lain seperti gurindam, talibun atau teromba. Walaupun begitu, jika dilihat aspek, puisi ini antara satu sama lain. Dari segi isi, seloka biasa mengutarakan isinya secara mengejek, sindiran atau dalam nada jenaka, dan kadang-kadang nada atau perasaan yang asyik dan berkhayal. Oleh sebab seloka biasa digunakan untuk menyindir atau berkias. Jadi tidak hairanlah seloka memerlukan penggunaan banyak peribahasa yang sering disusun dengan cara yang senada atau disukai, kadang-kadang seloka sama dengan peribahasa berirama. Dalam hal ini, pengenal kepada peribahasa berirama menggunakan nada yang diambil olehnya. Peribahasa berirama tidak memerlukan nada-nada ejekan atau sindiran yang sinis tetapi seloka menggunakan ejekan dan nada-nada sinis; menyindir terhadap sesuatu kelakuan beberapa anggota masyarakat melalui peribahasa yang disusun secara sejarah untuk menghasilkan irama tersebut. Secara umumnya fungsi seloka adalah untuk menggambarkan kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Berfungsi bagi masyarakat demi mementingkan keharmonian, kesejahteraan dan ketatasusilaan. Seloka juga berfungsi untuk menyindir dan menyedarkan sebarang perlakuan negatif anggota masyarakat melayu tradisi tanpa menyinggung dan menguriskan perasaan seseorang individu. Hal ini dikatakan kerana, penyampaiannya tersifat tersirat dan tidak secara terus terang. Puisi seloka tidak digunakan secara meluas sebagaimana peribahasa dan teromba. Disamping itu, seloka sebenarnya dikarangkan untuk menyampaikan kritikan dan sindiran terhadap sesuatu kepincangan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Kritikan dan sindiran ini juga amat tajam dan disampaikan secara berlapik dan berkias dalam nada gurauan. Melalui seloka ini juga dapat menjelaskan budaya masyarakat melayu yang tidak mengkritik secara terus akan tetapi dengan menggunakan cara yang halus. Kata-kata yang digunakan juga adalah lambang yang mengandungi maksa tersirat agar tidak menguris hati mana-mana pihak. Fungsi seloka juga amat bergantung kepada isinya, iaitu untuk menyindir, mengejek, menempelak seseorang, melahirkan rasa benci terhadap sesuatu kelakuan manusia. Namun disebalik maksud tersirat dan penyampaiannya tersebut sebenarnya mempunyai nasihat dan memberi pengajaran serta teguran kepada seseorang sebagai alat kawalan sosial atau protes sosial dan bukan hanya bersifat teks rekaan ataupun hiburan semata-mata.

Manakala Kearifan lokal merupakan bahagian dari budaya suatu masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa masyarakat itu sendiri. Kearifan lokal (local wisdom) biasanya diwariskan secara turun temurun dari satu generasi ke generasi melalui cerita

dari mulut ke mulut. Kearifan lokal ini terdapat didalam cerita rakyat, puisi, peribahasa lagu dan permainan rakyat. Kearifan lokal sebagai suatu pengetahuan yang ditemukan oleh masyarakat lokal tertentu melalui kumpulan pengalaman dalam mencuba dan diintegrasikan dengan pemahaman terhadap budaya dan keadaan alam suatu tempat. Menurut Kearifan lokal menjadi pengetahuan dasar dari kehidupan, didapatkan dari pengalaman ataupun kebenaran hidup, bersifat abstrak atau konkret, diseimbangkan dengan alam serta kultur milik sebuah kelompok masyarakat tertentu. Justeru itu, Kearifan lokal juga dapat ditemukan, baik dalam kelompok masyarakat maupun pada individu.

Kearifan lokal digunakan oleh masyarakat sebagai kawalam dalam kehidupan sehari-hari dalam hubungan keluarga, dengan sesama saudara, serta dengan orang-orang dalam lingkungan yang lebih luas menurut Kamonthip & Kongprasertamorn, 2007. Oleh karena adalah pengetahuan, budaya, dan kecerdasan pengetahuan lokal, maka kearifan lokal dikenal juga dengan istilah *local knowledge*, *local wisdom*, atau *genious local*. Adapun karakteristik kearifan lokal, iaitu yang pertama harus menggabungkan pengetahuan kebijakan yang mengajarkan orang tentang etika dan nilai-nilai moral, kedua kearifan lokal harus mengajar orang untuk mencintai alam, bukan untuk menghancurnyanya, dan ketiga kearifan lokal harus berasal dari anggota komunitas yang lebih tua. Kearifan lokal dapat berbentuk nilai, norma, etika, kepercayaan, adat-istiadat, hukum, adat, aturan-aturan khusus. Selanjutnya, nilai-nilai yang relevan dengan kearifan lokal, antara lain nilai kejujuran, tanggung jawab, disiplin, kreatif, serta kerja keras menurut Haryanto 2014. Dalam karya seni, khususnya seni tradisional, kearifan lokal akan tercermin dalam bahasa, baik secara lisan maupun tulisan: pepatah, pantun, atau nyanyian. Akhirnya, penggunaan kearifan lokal dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir secara sindiran itu adalah sebenarnya merupakan sebagai satu alat komunikasi untuk menyedarkan serta memberi impak yang positif kepada khalayak maupun pembaca dalam membina jati diri dan tingkah laku dalam kehidupan seseorang individu.

## KELANTAN

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir membuktikan bahawa penggunaan seloka sebagai salah satu medium untuk mengkritik atau menyindir terhadap sikap negatif yang terdapat pada segelintir masyarakat Melayu tradisi. Penggunaan bahasa berlapik atau berkias yang cuba digunakan dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir adalah bertujuan bagi mengkritik sebarang perilaku yang negatif dalam kalangan anggota masyarakat Melayu tradisi. Hal ini dikatakan demikian kerana, seloka yang ingin disampaikan banyak mengandungi unsur-unsur sindiran yang boleh mengguris hati bagi mana-mana pihak. Justeru itu, penggunaan bahasa yang berlapik dalam seloka digunakan berfungsi sebagai sandaran kepada sesuatu kritikan yang cuba diterjemahkan dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir tersebut kepada masyarakat Melayu tradisi secara amnya. Seloka banyak menitikberatkan bahasa yang berlapik agar tidak menyinggung perasaan dan hati individu yang ingin disasarkan. Selain itu, bahasa berlapik yang diungkapkan seolah-olah memberi gambaran yang jelas dan nyata terhadap sesuatu maksud yang cuba disampaikan. Walaupun bahasa berlapik sering digunakan sebagai sandaran kritikan dalam seloka, namun banyak maksud yang tersirat mampu mendidik masyarakat Melayu tradisi kearah yang lebih baik.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah merumuskan 3 objektif kajian, iaitu:

- i. Mengenalpasti fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi.
- ii. Mengkaji aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial masyarakat dalam seloka Melayu.
- iii. Menganalisis bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah merumuskan persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah fungsi seloka sebagai bentuk hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi?
- ii. Benarkah aspek sindiran dalam seloka dikatakan sebagai alat kawalan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu?
- iii. Adakah seloka mempunyai pengajaran disebalik unsur sindiran?

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini merangkumi beberapa aspek yang dianggap berkenaan dengan tajuk seloka yang dipilih oleh pengkaji. Penelitian terhadap skop kajian dalam tugasannya ialah untuk mengkaji tahap kearifan lokal sebagai aspek sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. Skop kajian yang hanya tertumpu kepada sindiran dari segi kebijaksaan pertuturan dalam kalangan masyarakat melayu tradisi sebagai fungsi untuk kritikan sosial terhadap perilaku masyarakat melayu tradisi melalui seloka yang dicipta tersebut. Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk yang digunakan oleh masyarakat melayu tradisi sebenarnya

merupakan salah satu kaedah untuk mengkritik, menyindir dan menegur masyarakat melalui aspek sindiran. Secara keseluruan, skop kajian yang tertumpu kepada aspek sindiran yang mengkritik akan perilaku dalam kalangan masyarakat melayu tradisi terutamanya dari segi aspek sosial. Skop kajian tugas ini hanya melibatkan kearifan lokal sebagai aspek sindiran melalui seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk sahaja dan tidak merujuk kepada seloka yang lain.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek Kearifan lokal melalui aspek sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir dalam karya Kesusasteraan.

### **1.7.1 Kepentingan Kepada Individu**

Kajian ini penting kepada diri pengkaji yang mana pengkaji dapat merungkai disebalik bait-bait kata seloka ternyata banyak unsur didikan kepada diri pengkaji hasil daripada kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, seloka mempunyai banyak pengajaran dan nilai murni dalam setiap kata-kata yang diungkapkan dan bukan sekadar bersifat hiburan atau rekaan semata-mata. Secara tidak langsung pengkaji dapat membawa karakter diri yang lebih baik.

### **1.7.2 Kepentingan Kepada Institusi**

Seterusnya bidang institusi juga memainkan peranan penting yang dapat memperluaskan bidang seloka diperangkat yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, seloka hampir kepupusan akibat peredaran zaman moden kini. Kajian ini juga mampu membuka mata dan minda kepada para pelajar dengan lebih terperinci bahawa seloka merupakan bidang yang perlu dikaji dan diterokai. Disamping itu, melalui pembelajaran diperangkat institusi mampu membentuk keterampilan pelajar yang elok kerana banyak unsur didikan didalam seloka. Hasil daripada kajian tersebut juga mampu memperkuuhkan dan melahirkan pembinaan karakter pelajar diperangkat institusi kearah yang lebih baik.

### **1.7.3 Kepentingan Kepada Masyarakat**

Selain itu, kepentingan kajian ini juga dapat dihayati dan dinikmati oleh masyarakat melalui kebijaksaan dalam setiap bait-bait kata pada setiap seloka yang ingin dibincangkan ketika masyarakat memahami karya seloka itu. Jelaslah bahawa, proses kajian yang dijalankan ini dapat membuka mata dan fikiran masyarakat tentang kepentingan kewujudan setiap bait-bait kata sindiran dan lawak jenaka yang banyak teguran dan kesedaran.

### **1.7.4 Kepentingan Kepada Negara**

Kepentingan terhadap negara. Kajian seperti ini amat penting bagi membangkitkan impak yang baik untuk menjaminkan proses inovasi komunikasi masyarakat Melayu dalam negara yang mempunyai tingkah laku sosial yang baik pada masa akan datang. Kajian ini mampu memberi pendedahan dan maklumat awal kepada penyelidik untuk memantapkan dan memerluaskan bidang lagi bidang kajian ini samada dalam negara atau luar negara.

## 1.8 PENUTUP

Kesimpulannya, seloka merupakan salah satu bahasa berirama yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang meleret-leret. Isinya disampaikan itu mengandungi banyak unsur-unsur pengajaran dan nasihat disebalik aspek sindiran. Isi ini pula disampaikan melalui nada-nada ejekan dan sindiran, sama ada secara terus ataupun tersirat. Sehubungan dengan itu, seolka juga mempunyai peranan penting untuk mendidik masyarakat melayu tradisi. Hasil penelitian terhadap kajian kearifan lokal dari aspek sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir merupakan sebuah gambaran peristiwa sebenar yang terjadi dalam kalangan segelintir masyarakat melayu tradisi. Kebijaksaan penyampaian dalam pertuturan melalui sindiran terhadap sikap dan perilaku segelintir masyarakat melayu tradisi adalah bagi menegur masyarakat supaya berkeperibadian lebih baik dalam kehidupan sosial masyarakat.



## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan tinjauan literatur yang berkaitan dengan kajian tentang seloka. Kajian ini meneliti tinjauan terhadap pandangan-pandangan para sarjana berkenaan seloka dan sorotan kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa para sarjana sastera berkaitan dengan kajian Kearifan Lokal, Seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Tinjauan ini bertujuan memberi penekanan kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan Kearifan Lokal sebagai aspek sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk bagi mendapatkan kefahaman yang lebih terperinci dan lebih terperinci terhadap kajian yang bakal dijalankan. Selain itu, sorotan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber panduan kepada pengkaji bagi mendapatkan hasil kerja yang lebih cemerlang. Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji, kajian tentang kearifan lokal daripada aspek sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir telah banyak dijalankan oleh beberapa orang para sarjana dalam kajian mereka pada sebelum ini.

#### **2.2 SOROTAN KAJIAN MENURUT PANDANGAN SARJANA BERKENAAN SELOKA**

Seloka Pak Kaduk adalah sebuah puisi berbentuk bebas atau tidak terikat. Seloka ini mempunyai tujuh sehingga sembilan suku kata di dalam setiap baris. Rima akhir terdiri daripada a,b,c,c,d,e,f,c,c. Seloka juga hanya mengandungi satu rangkap sahaja. Dari segi pula, seloka Pak Kaduk mempunyai tiga sehingga lima patah perkataan. Selain itu, Bentuk/sifat seloka Pak Pandir pula terdiri daripada dua baris atau dua kerat, yang setiap berbeza 16 suku kata, yang disusun dalam empat unit. Seloka bebas daripada segi rangkap (sama ada berangkap ataupun tidak berangkap). Jika berangkap, tidak semestinya baris di dalam serangkap dan tidak tentu jumlah penggunaannya dalam sebaris. Seloka juga boleh wujud rima atau tidak. Seloka biasa menggunakan beberapa baris ataupun rangkap bagi melengkapkan keseluruhan idea.

Dalam sastera Melayu perkataan seloka dimaksudkan kepada sejenis puisi yang tidak mempunyai struktur, akan tetapi mempunyai puisi yang tidak mempunyai ciri yang

diasingkan daripada genre yang lain. Oleh itu, bagi menentukan ciri-ciri ini telah munculnya perbezaan dan pendapat diantara beberapa para pengkaji. Disamping itu, hasil pemerhatian pengkaji juga mendapat terdapat beberapa pandangan yang berbeza oleh sarjana berkenaan dengan seloka ini. Pengkaji juga merumuskan beberapa pandangan dan pendapat para sarjana sastera berkenaan dengan seloka.

Menurut sarjana sastera iaitu Harun Mat Piah pada (1989), seloka sebenarnya berasal daripada bahasa shloka iaitu daripada bahasa Saskrit yang membawa makna puisi terdiri daripada dua baris. Seloka kebanyakkan bermotifkan lawak jenaka, sindiran, dan kritikan terhadap tingkah laku seseorang atau kelompok masyarakat yang terdapat dalam seloka Melayu tersebut. Menurutnya lagi, seloka berupa puisi melayu tradisional yang tidak mempunyai bentuk khas seperti pantun serta syair.

Mohd Rosli Saludin pada tahun (2007). Menurut pandangan sarjana Mohd Rosli Saludin seloka ialah puisi tradisional melayu yang seajar bersama gurindam, pantun dan syair. Puisi tradisional ini berasal daripada kesusasteraan Hindu Klasik yang terdapat di dalam epos Mahabhrata serta Ramayana. Disamping itu, di dalam buku sejarah Melayu yang disusun pada T.M 1612 oleh Tun Seri Lanang ketika menggambarkan bunyi burung-burung di dalam Puteri Gunung Ledang, membandingkan dengan orang bergurindam dan berseloka. Kejadian tersebut berlaku pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Oleh itu, bermungkin besar bahawa bentuk gurindam dan seloka ini sudah dikenali oleh orang-orang Melayu semenjak kurun Masehi yang ke XV1 ataupun lebih dahulu daripada itu. Menurut sarjana ini juga, seloka berasal daripada bahasa Sanskrit. Bentuk seloka juga hampir seakan serupa dengan gurindam akan tetapi seloka terdiri daripada empat baris yang bersajak, bunyi suku kata dihujung sama, tiap-tiap baris mempunyai empat patah perkataan.

Menurut Zaba pada tahun (1976), seloka ialah karangan yang berangkap mempunyai pertentangan bunyi di hujung atau rima tidak tetap. Menurut Zaba, perkataan sindiran dan mengejek dikatakan dengan seperti cakap secara berangkap. Perkataan gurau senda dan jenaka, istimewa jika bergabung dengan rangkap atau pertentangan bunyi dimana-mana. Bilangan baris pada sesbuah seloka adalah terhad dan bilangan baris pada satu rangkap juga tidak menentu. Menurut pandangan Zaba memberikan huraian dan contoh yang banyak mengenai seloka dan gurindam, mengatakan seloka adalah sejenis karangan yang seakan serupa dengan gurindam, oleh itu, kebanyakan sifat gurindam ada

kepadanya. Seloka juga mengandungi unsur kelakar, mengelikan hati, gurau senda, ejekan, dan terkadang seperti menyanyi, asyik berahi, hiba rawan, khayalan dan mimpi; sebagai contoh:

*dalam jenis seloka mlaratt,  
Maka baginda pun mengejutkan tuan,  
Puterii sambil berulit,  
Adinda tua. Bangun tangkai hati,  
Abang dan penglipur lara kekanda, urat,  
rambut batu kepala abang serta,  
Beberapa cumbu yang memperbaharui kasih,  
dan memulihkan mesra. Maka tuan puterii,  
pun bangun sambil memalis seumpama,  
Bunga cempaka kembang pagi lemah lembutt,  
dalam taman puspa sari adanya,*

Menurut Simorangkirr Simandjuntak pada tahun (1965), beliau berpendapat bahawa seloka berupa sejenis bidalan ataupun pepatah yang terdapat sampiran, tegasnya di dalam bentuk pantun empat baris. Dapat dijelaskan juga bahawa seloka yang merupakan bidalan ataupun pepatah seperti berrama.

*Anak agam jual sutera,  
Jual di Renggat tengah pekan,  
Jangan digengam seperti bara,  
Terasa hangat dilepaskan*

Menurut Zubir Usman pada tahun (1975), berpendapat bahawa seloka hampir seakan serupa gurindam, tetapi seloka lebih kearah kelucuan.

*Malangg celaka Raja Genggang,*

*Tuak terbeli tunjang hilangg.*

*Gigi tanggal rawan pun musnah,*

*Awak tua gadis bermusim.*

Menurut Hooykasss pada tahun (1965), seloka terdapat elemen sindiran. Sindiran bersifat jenaka ataupun serius dan mungkin juga mengandungi unsur lain seperti perasaan asyik, berahi, khayal dan mimpi. Sesuai dengan cirinya sebagai sindiran dan lawak jenaka. Seloka juga adalah pantun merupakan pantun yang bersajak yang menggunakan rima yang serupa a-a-a-a seperti puisi syair. Menurutnya lagi, seloka adalah pantun yang didalamnya mengandungi kiasan atau ibarat dan berisikan unsur nasihat-menasihati.

*Candu di bungkus kain palas,*

*Makan dia mata bilas,*

*Mandi segan kerja malass,*

*Harta orang hendak di galas*

Menurut sarjana Amir Hamzah, beliau menjelaskan bahawa seloka seperti pantun yang mempunyai perkataan. Seloka ialah pantun yang ada sampiran dan isi yang mempunyai hubungan yang erti di antara sampiran dan maksud.

*Jalan-jalan di sepanjang jalan,*

*Singgah menyinggah di pagar orangg,*

*Puru-pura mencari ayam,*

*Ekor mata di anak orang*

Sutan Moh.Zain. Pandangan Sultan Moh.Zain, Pada zaman baru seloka dapat terdiri atas 2 baris, 4 baris, 6 baris ataupun lebih. Seloka yang jumlah barisnya lebih dari 2, mempunyai sajak pasang (aa, bb, cc, dd). Semua khalimatnya mempunyai erti serta mempunyai hubungan yang logis seperti syair.

Seterusnya, Madongg Lubis. Madong Lubis berpandangan, seloka atau pantun seloka ialah pantun rantai ataupun pantun yang saling berkait antara satu sama lain. Manakala pandangan Sabaruddin Ahmad. Menurut pandangan sarjana Sabaruddin Ahmad, seloka dalam bahasa Indonesia merupakan pantun berangkai ataupun pantun berantai yang kerap kali berkaitan.

Menurut Napie Matt, seloka asalnya daripada bahasa saskrit. Bentuk asalnya mempunyai kitab-kitab tua di India, Mahabhratta dan Ramayana, mempunyai sajak yang sederhana serta terdiri daripada empat perkataan dan suku kata pada setiap baris. Seloka sering digunakan sebagai nasihat ataupun ibarat. Bahasanya kerap kali melarat dan penuh dengan sindiran sinis yang tajam, dalam dan biasanya mengejek-ngejek. Menurut pandangnya, seloka juga mengandungi perasaan hiba, rawan, sedih, asyik berahi, khayal dan angan-angan mengikut jenis seloka. Seloka terdiri dari empat baris dan bersajak seperti syair.

Contoh seloka:

*“sudah bertemu kasih sayangg,  
Duduk terkurung malam dan siang,  
Hingga setapak tiada renggangnya.  
Tulang sendi habis bergoncangan”*

Ataupun

*“orang selesema sakit berhingus,  
Lubang hidup terasa terkambus,  
Ibarat laksana telur kemungkas,  
Benci nak pandang, rasanya cemus,*

Menurut Ghazali Donia pada tahun (1992), beliau memberitahu seloka itu mempunyai bentuk yang tidak tetap jumlah pada baris. Isi juga mengandungi sindiran terhadap kelakuan seseorang pemalas, dungu dan sebagainya dengan maksud untuk dijadikan sebagai bahan bidalan.

Rustam Effendi pada tahun (1967). Rustam Effendi mengatakan seloka tiada berbeza dengan maksud penuli-penulis hikayat lama, ialah puisi yang lama dan pengertian pada umum. Dalam puisi baru, penciptaan Rustam Effendi pula seerti perkataan teks.

*Syarat saraf saya mungkiri,  
Untai rangkai seloka lama,  
Beta buang beta singkirinya,  
Sebab laguku menurut sukma.*

Sutan Takdir Alisjahbana pada tahun (1971). Menurut sarjana ini menjelaskan pendangannya mengenai puisi Melayu tradisional seloka. Seloka yang dimaksudkan oleh beliau berupa sejenis puisi yang tiada mempunyai struktur yang tertentu, akan tetapi mengandungi puisi yang tidak mempunyai ciri-ciri yang diasingkan daripada genre yang lain. Secara langsung karya yang ditulis oleh Sutan Takdir dalam naskahnya iaitu Puisi Lama yang tidak menyinggung sedikit pun mengenai bidang seloka.

Seterusnya, definisi seloka menurut pandangan Sabaruddin Ahmad (1979). Beliau menjelaskan contoh seloka yang terdiri daripada susunan seperti pantun berkait, ataupun dalam istilah lain disebut sebagai pantun seloka.

*Taman melati dirumah-rumah,  
Ubur-ubur sampingan dua,  
Kalau mati kita bersamaa,  
Satu kubur kita berdua,  
Ubur-ubur sampingan dua,  
Tanam melati bersusun tangkainya,  
Satu kubur kita berdua,  
Kalau boleh bersusun bangkaii,*

Safian Hussain pada tahun (1988). Menurut pandangan sarjana ini seloka ialah karangan yang mempunyai rangkap atau bahasa yang berirama. Seloka adalah pepatah atau perumpamaan yang telah mengandungi elemen lucu, gurau senda, ejekan dan malahan sindiran.

Muhammad Al Afzan Bin Ali Hussin pada tahun (2018). Penulis ini menjelaskan mengenai definisi disebalik maksud seloka. Seloka sejenis puisi Melayu tradisional, sama ada berangkap ataupun tidak. Jika ia berangkap, seloka tersebut tidak tetap dari segi jumlah rangkapnya, jumlah perkataan di dalam sebaris dan rima akhir. Seloka memerlukan beberapa baris bagi melengkapkan keseluruhan idea. Dari segi bentuk, seloka hampir serupa gurindam dan talibun. Secara umumnya, seloka merujuk kepada satu cerita yang benar dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu seperti Pak Kaduk, Pak Pandir dan sebagainya. Seloka ini tujuannya untuk mengejek atau menyindir anggota masyarakat Melayu tradisi yang mempunyai sikap yang kurang sopan. Walaupun begitu, seloka tidak meluas digunakan sepertimana peribahasa.

Darus pada tahun (1960). Pandangan beliau seloka sebuah karangan puisi yang sarat dengan elemen sindiran atau ejekan di dalam bentuk yang saling berangkap-rangkap. Justeru itu, melalui seloka seseorang itu dapat mengenali budaya masyarakat Melayu dalam memberikan sebarang kritikan kepada masyarakat tanpa menyinggung hati ataupun perasaan bagi mana-mana pihak.

Selain itu, maksud seloka dalam bahasa jawa. Seloka dikenali dan digunakan dengan peribahasa, sebagainya contoh seloka jawa.

*Rindik asu digitik,*

*(artinya, lari anjing dipukul)*

*Kutik dimarani sunduk,*

*(Gabus mendapatkan tusuk)*

*Keno kebotan sungu,*

*(Kerbau keberatan tanduknya)*

Dalam ceritera jenaka Melayu seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir pada halaman terakhir pengkaji telah menemui beberapa perkataan seloka sebagaimana berikut.

Seloka Pak Kaduk;

*Aduhai malang sungguh Pak Kaduk!*

*Ayamnya menang kampungnya tergadai*

*Ada nasi di curahkan,*

*Awak pulang kebuluran!*

*Mudik menongkah surut!*

*Hilir menongkah pasang!*

*Ada isteri di bunuh!*

*Nyaris mati oleh tak makan!*

*Masa belayar kematian angin!*

*Sauh dilabuh bayu berpuput!*

*Ada rumah bertandang tanduk!*

Seloka Pak Pandir;

*Pandai-pandai wahai Pak Pandir,*

*Anak dipijak dagang di jinjing,*

*Kucing di bunuh tikus di bela,*

*Harta habis badan tergadai,*

*Mendengar gelagak dagang,*

*Tak sedar diri bertelanjang,*

*Mendengar guruh di langit,*

*Air tempayan di curahkan*

*Mulut kena suap pisang,*

*Buntut kena cangkuk onak,*

*Gunting makan dihujung,*

*Pak Pandir juga yang menanggung,*

(Ceritera Jenaka Melayu )

Berdasarkan daripada contoh-contoh yang terdapat diatas, seloka telah disamakan dan di kelirukan dengan beberapa jenis puisi tradisional yang lain selain daripada seloka yang mempunyai struktur yang khusus. Para sarjana, tokoh dan pengkaji yang meneliti serta mempunyai pandangan yang berbeza daripada sejarah dan definisi seloka berdasarkan kepada bentuk yang telah ditemui. Hal ini demikian kerana, yang mana masa itu pemahaman serta pemikiran masyarakat yang bersifat terlalu umum di kediaman serta masa yang tertentu.

### **2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Seloka adalah sebuah karya sastera puisi tradisional Melayu yang penuh dengan unsur pengajaran, elemen nasihat dan aspek teguran terhadap masyarakat disebalik sindiran itu. Ungkapan seloka zahirnya berkembang disebabkan daripada generasi turun temurun sehingga berkembang luas pada masa kini. Meneliti sorotan tinjauan literature yang dijalankan oleh pengkaji seloka yang terdirinya daripada watak Pak Pandir dan Pak Kaduk daripada aspek sindiran dan kenyataan. Selain itu, berdasarkan hasil tinjauan literature tersebut juga mendapati setiap aspek sindiran yang terdapat dalam kedua-dua buah seloka ini ternyata mempunyai kesan yang positif kepada masyarakat ianya bukan sekadar cerita lawak jenaka semata-mata. Seterusnya, untuk mantapkan lagi idea dan maklumat untuk kajian, pengkaji turut menggunakan beberapa sorotan kajian yang lepas sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Bahan yang digunakan terdiri daripada majalah, jurnal dan juga akhbar. Disamping itu, hasil tinjauan literatur ini juga, pengkaji tidak melepaskan dalam merujuk kajian yang ilmiah oleh para pengkaji yang terdahulu bagi memperolehi maklumat yang lebih lanjut bertepatan dengan tajuk kajian pengkaji. Ini adalah amat penting kepada pengkaji bagi mendapatkan pengetahuan disamping panduan dan rujukan yang baru tentang kajian untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Menerusi Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin iaitu Mohd Faradi Bin Mohamad Ghazali dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan iaitu Dr

Nor Diana Binti Abd Jabar pada tahun pada tahun (2021). Kajian berkenaan komunikasi bahasa sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. Kajian tersebut memfokuskan terhadap seloka sebagai bahan komunikasi sindiran dan kritikan yang berkonsepkan pengajaran kepada umum. Menurut pengkaji, seloka yang digunakan sebagai rujukan ialah seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Kaedah kepustakaan dan kajian bahan seperti artikel, buku, majalah dan tesis digunakan sebagai sumber rujukan kajian tersebut. Objektif kajian tersebut menganalisis proses komunikasi dalam seloka. Selain itu juga kajian ini meneliti kepintaran masyarakat Melayu dalam berkomunikasi. Menurut pengkaji, hasil kajian aspek sindiran secara halus dan lembut adalah salah satu cara identiti masyarakat Melayu berubah kearah lebih baik.

Dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Siti Norsyahida dan Nor Azwan pada tahun (2017). Artikel bertajuk 'Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog' telah dijalankan analisis dengan meneliti elemen bahasa yang terdapat dalam ujaran vlog dari ikon media sosial Mat Luthfi. Hasil kajian memperlihatkan dialog ungkapan yang dizahirkan melalui vlogger. Penyampaian bahasa sindiran secara ironi, sarkastik dan sinisme ialah satu bentuk kata tersirat yang menyukarkan penginterpretasian maksud sesuatu ujaran. Hasil kajian ini terdapat beberapa jenis gaya bahasa sindiran seperti satira, sarkasme, sinisme, dan innuendo yang digunakan dalam rancangan tersebut.

Disamping itu, kajian oleh Nor Hasimah, Melor Fauzita, Nazilah dan Julizayati pada tahun (2017) yang bertajuk "Modal Insan di dalam Seloka Pak Kaduk". Menerangkan seloka adalah puisi tradisional Melayu yang merupakan kesatuan isi dan idea yang lengkap dalam sindiran dan nasihat. Dari segi bentuk pula, seloka dibahagikan kepada dua ataupun empat baris. Elemen dalam seloka biasanya terdiri daripada sebilangan yang sinis dan tajam. Dalam kajian ini pengkaji menambah kajian modal insan boleh menggunakan tiga aspek utama seperti watak positif, prinsip dan falsafah hidup yang kuat serta berintegriti dalam berwawasan. Pembangunan modal insan turut diberikan perhatian. Hal ini adalah kerana, modal insan yang sangat penting dalam menggapai kehidupan yang holistik. Pengkaji turut memberikan nilai yang terdapat di dalam seloka Pak Kaduk yang boleh membantu hati dan aspek luaran pada orang lain.

Selain itu, dari Universiti Malaya pada tahun (2018), yang dikaji oleh penulisnya iaitu Muhamad Khairul Hafiz Nor Hisham, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaffar melalui kajiannya iaitu unsur Kearifan Tempatan Dalam Fiqh budaya Dan Seni Melayu Islam Melayu Daripada sudut Perspektif Hukum Islam. Menurut pengkaji untuk mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif akan menggunakan perpustakaan yang lengkap dan digabungkan pada analisis secara induktif bagi merumuskan tidak kearifan di dalam budaya dan seni kalangan masyarakat Melayu. Hasil kajian didapati bahawa, budaya dan seni masyarakat Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri kerana kearifan yang terbentuk adalah nilai wahyu, inspirasi alam dan budaya tempatan yang mampu membentuk seni yang halus.

Dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidin Mohd Faradi Rohani dari Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Mohd Fairuz Mohd Padoli pada tahun (2016). Kajian yang bertajuk Bauran Satira Di Dalam Pak Pandir Moden. Dalam kajian ini, perkembangan kisah Pak Pandir moden yang selalu menjadi konotasi terhadap perilaku manusia. Kajian tersebut menerokai unsur satira disampaikan dalam bentuk jenaka dengan menggunakan ikonik Pak Pandir yang moden sebagai tunjang analisis. Oleh hal demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa kisah tradisi Pak Pandir masih lagi menjadi semiotic dalam kalangan masyarakat moden masa kini dalam mencerminkan kejelekan masyarakat.

Seterusnya, menerusi Pusdiklat Tenaga Teknis Pendidikan dan Keagamaan pada tahun (2017). Penulisnya iaitu Fawziah S.S dan Widya Iswara Ahli Muda berkenaan tajuk kajiannya yang berjudul nilai karakter yang ada pada kearifan lokal dalam naskah sastera melalui Apresiasi Sastera di dalam Kumpulan Cerpen Bertanya Kerbau pada Pedati. Penelitian nilai karakter pada kearifan lokal di dalam karya sastera yang terdapat dalam kumpulan cerpen Bertanya Kerbau Pada Pedati, Karya A.A. Navis. Menurut pengkaji masalah utama dalam kajian ini adalah nilai watak yang ada pada kearifan lokal yang terdapat dalam kumpulan cerpen karya AA Navis itu. Disamping itu, nilai watak tersebut digali dari kearifan masyarakat setempat Minangkabau untuk menetapkan sosial dari cerita dalam cerpen. Hasil nilai watak yang dijumpai dalam naskah tersebut adalah watak keagamaan, watak nasionalisme serta integritas.

Dari Universiti Sanata Dharma Mrican, Yogyakarta 5503 yang ditulis oleh Antonius Nesi R pada tahun (2019). Kunjana Rahardi' dan Pranowo. Tajuk kajiannya

yang berjudul kearifan lokal di dalam tradisi lisan takanab: iaitu kajian ekolinguistik Penelitian ini bertujuan untuk memberikan nilai kearifan lokal dalam tradisi lisan Takanab berdasarkan perspektif ekolinguistik. Perspektif ekolinguistik menyokong dengan kajian etnografi komunikasi. Dalam analisis data digunakan kaedah ekstralinguual, teknik analisis kontekstual. Analisis data diperolehi hasil sumber kearifan lokal dalam tradisi lisan Takanab termanifestasi melalui kearifan lokal berwujud nyata juga melalui kearifan lokal tidak berwujud nyata (tidak berwujud) berupa bidal, perumpamaan, petuah, dan syair. Menurut pengkaji dalam kajiannya berkata setiap wujud kearifan lokal itu memanifestasikan nilai luhur yang menggambarkan penghayatan budaya kolektif masyarakat Dawan.

Penulisnya Athirah Abdul Rahim pada tahun (2015) kajiannya yang bertajuk Satira Kesusasteraan Di Dalam Konteks Sosiobudaya India: Kajian terhadap filem 3 Idiots pada tahun 2009 dan Pk pada tahun 2014. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti elemen satira yang digunakan dalam filem 3 Idiots dan PK serta analisis representasi elemen-elemen satira yang telah dikenalpasti menerusi sosiobudaya India dari segi Pendidikan dan Keagamaan. Kaedah utama penyelidikan yang digunakan adalah kaedah analisis tekstual, iaitu penyelidik akan menggunakan teks filem 3 Idiots dan PK sebagai sumber subjek kajian. Dapatan dalam kajian ini secara keseluruhannya filem 3 Idiots dan PK boleh diklasifikasikan sebagai satira menippean.

Dari Universiti Malaya. Penulis Muhamad Ikhlas Rosle dan Abdul Karim Ali pada tahun (2019). Tajuk kajiannya yang berkonsepkan kearifan tempatan menurut dari perspektif hukum agama Islam. Dalam kajian mereka Kearifan tempatan ialah berupa konsep yang banyak digunakan pakai di dalam bidang sains sosial. Ini adalah konsep yang menjelaskan peranan identiti wilayah dan masyarakat atau kumpulan kecil yang mempengaruhi sistem kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, kedudukan konsep ini dalam undang-undang Islam masih samar-samar. Oleh itu, kajian ini menganalisis kedudukan kearifan tempatan menurut perspektif undang-undang Islam. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan data perpustakaan lengkap. Kaedah analisis induktif, deduktif dan perbandingan digunakan untuk mendapatkan hasil yang diperlukan. Kajian mendapati bahawa konsep kearifan tempatan ada dan diakui dalam undang-undang Islam.

Universiti Muhammadiyah Palembang dari Jurusan Arsitektur Fakultas Teknik pada tahun (2012). Penulisnya Anson Ferdiant Diem kajiannya yang berjudul Kearifan Lokal dalam Arsitektur Tradisional Palembang. Dalam kajian yang dijalankan untuk memilih unsur yang baik dan yang buruk, mana yang benar dan mana yang salah. Sejarah peradapan telah menunjukkan usaha manusia untuk meningkatkan kesejahteraan hidupnya telah membangkitkan kesengsaraan seperti bencana alam yang disebabkan sikap manusia tidak mampu mengendalikan ketamakkan diri. Kajian tersebut mampu membuatkan manusia mulai berfikir dan bekerja secara aktif untuk memahami lingkungannya yang memberikan tanggapan dan mengembangkan cara-cara yang paling menguntungkan dalam upaya memenuhi kebutuhan hidup.

Dari Universiti kebangsaan Malaysia penulisnya Rosfazila Abd Rahman dan Abdul Razzif Zaini pada tahun (2018). Tajuk kajian yang berjudul Kearifan Lokal Masyarakat Melayu Muslim Langkawi dalam Pelancongan Membantu Pelestarian Pembangunan Masyarakat. Masyarakat Melayu Langkawi mewarisi kearifan lokal dalam kegiatan pelancongan sejak Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai pada 1984. Pengkaji menjelaskan artikel ini dikarangkan bagi menjelaskan bentuk kearifan lokal dalam pelancongan yang boleh membantu pelestarian pembangunan masyarakat agama Islam dan sikap masyarakat Melayu Langkawi terhadap kepercayaan dan amalan dalam pelancongan. Data turut diperoleh melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Data dianalisis secara deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kearifan lokal dapat dilihat pada tiga fasa dalam pelancongan, iaitu fasa sebelum, semasa dan selepas pengisytiharan pulau pelancongan. Hasil kajian mendapat kepercayaan dan amalan dalam pelancongan mempunyai hubungan dengan pelestarian pembangunan masyarakat agama Islam. Kajian ini dapat menyumbang terhadap pemahaman kearifan lokal dalam pelancongan yang membantu pelestarian pembangunan masyarakat Islam dan penonjolan keunikan suatu masyarakat khususnya di dalam bidang pelancongan.

Universiti Diponegoro Semarang. Penulisnya iaitu Rinitami Njatrijani tajuk kajiannya yang berjudul Kearifan Lokal Dalam Perspektif Budaya Kota Semarang iaitu pada tahun (2018). Konsep Kearifan lokal merupakan yang faktor penting dalam lingkungan hidup, masyarakat. Kearifan lokal menurut UU No. 32 pada Tahun 2009 tentang Perlindungan dan Pengelolaan Lingkungan Hidup Pasal 1 angka 30 adalah nilai-nilai luhur yang terjadi di dalam tatacara hidup masyarakat bagi tujuan untuk melindungi

sekaligus mengelola lingkungan hidup secara lestari. Pengkaji menerangkan bahawa Semarang ialah salah satu kota yang memiliki aspek kearifan lokal yang baik. Kearifan lokal yang telah lama diwariskan dari generasi ke generasi maupun kearifan lokal yang baru muncul sebagai hasil interaksi dengan masyarakat dan budaya lain. Budaya daerah merupakan satu potensi sosial yang boleh membentuk karakter dan citra budaya yang tersendiri.

Penulisnya Arni Chairul tajuk kajiannya yang terjudul Kearifan Lokal Dalam Tradisi Mencoliak Anak Pada Masyarakat Adat Silungkang pada tahun (2019). Penelitian terhadap kajian ini bertujuan untuk mengungkapkan elemen kearifan lokal dalam tradisi mancoliak anak dalam kalangan masyarakat adat Silungkang. Penelitian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah etnografi sementara data pula diperolehi melalui wawancara serta dokumentari. Penelitian tersebut mencari kearifan lokal dalam agama islam, adat penggunaan, hubungan dalam kekeluargaan, adat dan nilai hormat.

Dari Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Ponorogo iaitu pada tahun (2016). Penulis oleh Rido Kurnianto. Tajuk kajian beliau yang berjudul Kearifan Lokal Sebagai Alat Media Komunikasi Membangun Peradaban Unggul. Menurut pengkaji Kearifan lokal mempunyai nilai karakter yang cukup efektif untuk menjaga keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, bahkan untuk menyelesaikan konflik yang terjadi. Nilai strategis kearifan lokal dalam mewujudkan peradaban yang unggul, menjadi sebuah kenescayaan. Efektifitas kearifan lokal dalam mengambil peranan pembangunan masyarakat disebabkan terutama oleh komunikasi strategis yang disuguhkannya, diantaranya melalui bahasa simbol yang cukup efektif. Kajian ini cuba untuk mengkaji peranan kearifan lokal sebagai alat media untuk komunikasi dalam membangunkan peradaban unggul. Masalah tersebut dikaji melalui kajian literatur dengan methode analisis deskriptif analisis.

Penulis oleh Nur Hashimah, Melor Fauzita, Nazilah dan Julizayati pada tahun (2017) yang berjudul "Modal Insan di Sebalik Seloka Pak Kaduk" menerangkan bahawasanya seloka satu puisi tradisional Melayu yang mempunyai kesatuan isi serta idealogi yang lengkap di dalam aspek satira dan nasihat. Kandungan dalam seloka kebiasaannya mempunyai makna yang lembut serta tajam. Menurut pengkaji, modal insan dapat digunakan pakai dari ketiga aspek yang utama seperti watak yang elok, prinsip dan falsafah hidup yang kuat mahupun berintegriti. Pembangunan modal insan

mestilah diberikan perhatian. Hal itu demikian kerana, modal insan sangat penting dalam menggapai kehidupan yang berholistik. Pengkaji juga memberikan nilai yang terkandung dalam seloka Pak Kaduk yang dapat menolong daripada hati dan aspek luaran dan orang lain. Kemodalan insan yang diperolehi dapat menghasilkan seseorang yang berfikiran kearah lebih rasional, kreatif, kritis serta kreativiti.

Daripada Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulis oleh Noremawati Binti Ajis. Tajuk kajiannya yang berjudul Unsur-Unsur Kritikan Dalam Puisi Melayu Tradisional Seloka pada tahun (2009). Kajian ditumpukan kepada kritikan yang ada pada seloka Melayu dalam karya Himpunan Puisi Klasik karya Ali Bin Bachik dan Mohd Yusof M. Nor dalam naskah Rampaisari Puisi Warisan. Pengkaji menggunakan kritikan yang terdapat di dalam seloka yang telah dihasilkan. Pengkaji memuatkan metodologi kajian berkaitan dengan teori yang digunakan teori sastera warisan dan teori sosiologi oleh pengkaji untuk membuat analisis kajian. Selain itu, mengenalpasti mengenai dapatan kajian berdasarkan objektif utama kajian dalam bentuk huraihan. Dapatan kajian yang amat kritis dalam seloka dan pengguna dengan masyarakat zaman sekarang. Hasil kajian turut membincangkan secara menyeluruh berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan mengemukakan cadangan untuk mempertingkatkan penggunaan seloka dalam khalayak ramai. Secara rumusnya, puisi Melayu tradisional yang dikaji oleh pengkaji, tiada ada kritikan yang tersendiri di samping dapat memberi nilai murni dan impak terhadap khalayak.

Penulis oleh Faizul Nizar, Fauziah dan Sabariah. Kajian berjudul “Meme Sebagai Seloka Persendaan Dalam Parodi: iaitu Impak Dimensi Sosiobudaya pada tahun (2018). Menurut pengkaji mengatakan dengan jelas dalam penyelidikannya bahawa perkongsian bahan maklumat melalui sumber internet bukanlah suatu benda baharu di dalam kalangan masyarakat. Pengkaji berpendapat lagi, situasi ini dirancakkan lagi dengan kemunculan media digital sebagai bahan alat berkomunikasi bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Kandungan “meme” dilihat sebagai satu kaedah untuk menyampaikan sebarang maklumat mengenai isu hangat ataupun kontroversi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesan kepada penghasilan “meme” berkenaan dengan kehidupan sosiobudaya masyarakat.

Penulis oleh Mohd Sabri. Tajuk kajian yang berjudul “Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi pada tahun (2004). Kajian ini

melibatkan sepuluh tokoh tempatan dalam pelbagai bidang dengan menggunakan model grid speaking yang dipelopori oleh Hymes dan diaplikasikan oleh tokoh-tokoh bahasa seperti Muriell Savile Troike (1989) Ralph Fasolld (1990), Deborah Schifrin (1994) dan Asmah Haji Omar (1997). Hasil dapatan kajian ini didapati bahawasanya teori tersebut dapat membina satu sistem pertuturan dan berjaya menjelaskan sebarang fungsi dan hakikatnya bahasa sebagai sebahagian daripada falsafah dan pemikiran melalui bahasa.

Penulis oleh Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azahari Nasution dan Husnan Lubis. Cerita rakyat melayu Sumatra utara mitos serta lagenda dalam membentuk keperibadian lokal dalam masyarakat pada tahun (2020). Dalam kajian ini pengkaji membahaskan tentang beberapa lagenda serta mitos yang masih dipertahankan oleh orang melayu sumatera utara dan kearifan lokal yang telah dipengaruhi oleh adanya cerita rakyat tersebut. Usaha preservasi dan pembudayaan kembali terhadap mitos dan lagenda di kalangan masyarakat Melayu moden. Mitos yang dikemukakan ialah beberapa jenis mitos yang bersesuaian dengan fungsinya iaitu berbentuk pantang larang, mitos untuk golongan perempuan dan laki-laki dan juga mitos untuk anak-anak. Menurut pengkaji, cerita rakyat ini secara umumnya memberi fungsi sosial dalam kearifan lokal terhadap masyarakat Melayu yang berupa pendidikan moral, ketaatan, dan nilai-nilai agama yang mempengaruhi kepada kebaikan di dalam pembuatan.

Penulis oleh Nordiana Binti Ab Jabar. Kajian berkenaan Keunggulan Ikon Membawa Teladan Dalam Seloka pada tahun (2019). Penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan perwatakan di dalam seloka Melayu yang dapat dijadikan ikon teladan terhadap orang ramai. Menurut pengkaji, penyelidikan ini turut dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan seperti sumber artikel, bahan buku, majalah dan rujukan tesis. Kajian ini juga cuba membawa ikon teladan dalam seloka melayu dari segi sudut pandangan yang lebih baik. Hasil daripada kajian ini mendapati setiap ikon dalam seloka ini membawa kesan yang baik kepada jati diri dan tingkah laku sosial yang baik kepada orang ramai.

Penulis oleh Rendra Sakkhana Kusuma. Peran Sentral Kearifan Lokal Di Dalam Peningkatan Kualitas Pendidikan pada tahun (2018). Penurunan daya saing pekerja Indonesia adalah penilaian terhadap peranan dan fungsi pendidikan bertempat di Indonesia. Indonesia ialah sebuah negara paling ramai penduduk di Asia Tenggara dan sebahagian besar penduduknya bekerja diluar negara sebagai buruh tidak mahir. Menurut

pengkaji inodesia dengan ciri khasnya sebagai kepulauan dan mempunyai banyak etnik dan budaya yang sangat berbeza dengan lain. Indonesia melalui keraifan lokal yang dimiliki oleh setiap wilayah diharapkan dapat menjadi unggul dalam menciptakan pendidikan yang berorientasi global dan berdasarkan kearifan lokal.

Penulis Agung Setiayawan. Budaya Lokal Dalam Perspektif Agama pada tahun (2012). Agama Islam adalah agama yang mempunyai ciri universal, pandangan terhadap persamaan, keadilan, takaful, kebebasan serta martabat serta mempunyai definisi humanistic mengenai theocentrism sebagai nilai terus semua ajaran islam. Menurut pengkaji, segi budaya dalam masyarakat, islam membiarkan pengetahuan tempatan dan produk budaya tempatan menjadi produktif dan tidak mencemarkan akidah, bahkan meletakkan islam tradisional sebagai salah satu asas untuk menentukan undang-undang. Sebagaimana yang disebutkan dalam salah satu peraturan perundangan yang mengatkan “al-adah dapat sebagai aras. Oleh itu islam adalah agama toleransi dan penuh dengan nilai-nilai moral.

Penulis Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Rahimah A.Hamid. Kearifan Melayu Dalam Syair Dang Sirat pada tahun (2017). Syair Dang Sirat dapat dikategorikan sebagai syair sejarah. Hal ini demikian, kerana kisah yang disampaikan oleh pengarang syair ini adalah berdasarkan kepada peristiwa yang benar-benar berlaku. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji unsur keagamaan dan mitos yang berlaku dalam syair tersebut. Kajian ini menggunakan teori stalistik iaitu sebuah teori baharu yang berasal daripada teori retorik kuno, iaitu teori tentang gaya pengucapan awam, ketika zaman kegemilangan Greek.

Fakultas Ushuluddin UIN Suska Riau. Penulisnya Husni Thamrien. Kajian yang berjudul Revitalisasi Kearifan Lokal Melayu Dalam Menjaga Harmonisasi Lingkungan Hidup pada tahun (2014). Manusia semakin terancam dan terasa tidak nyaman lagi di dalam kehidupannya. Oleh itu, menjadi salah satu punca semua ini sebagai perilaku manusia yang seperti serakah, kapitalistik dan antropocentik. Padahalnya bangsa kita mempunyai kearifan lokal yang amat sarat di dalam menjaga harmonisasi lingkungan. Menurut pengkaji, dapat dilihat dari pepatah petitih, syair, tunjuk ajar, norma, perilaku dan sifat dalam menjaga lingkungan. Dengan hasil kajian ini pengkaji dapat menganalisis disebalik kearifan melayu dalam menjaga harmonisasi lingkungan hidup dalam kalangan masyarakat.

Dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tajuk kajian yang berjudul Metafora Sebagai Kritikan Sosial Di Dalam Pantun Membentuk Nilai Insan pada tahun (2021). Penulisnya Mazarul Hassan Mohammad Hanapi, Norazimah Zakaria, Abu Zarin Selamat dan Norfaizah Abd Jobar. Kritikan di dalam karya Melayu tradisional dihasilkan dengan kepelbagaian bentuk dan lazimnya kritikan itu tidak disampaikan secara eksplisit ataupun terus terang. Disamping itu, bahasa yang digunakan bagi memberi kritikan adalah bahasa figuratif yang sarat dengan kiasan ibarat serta metafora. Dalam kajian ini, elemen kritikannya dapat dilihat di dalam peribahasa, pantun, syair, seloka, cerita jenaka, cerita binatang, cerita penglipur lara, hikayat dan juga hikayat sastera yang berunsurkan sejarah lama. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek metafora yang terdapat dalam pantun serta analisis kritikan sosial serta nilai dalam pantun berdasarkan teori Relevan.

Penulisnya adalah Zulfatizazi. Tajuk kajian beliau yang berjudul Seloka Pak Pandir dalam Dialek Jelebu pada tahun (2013). Menurut pengkaji kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji dialek-dialek Jelebu yang terdapat dalam seloka Pak Pandir. Dialek Jelebu dari Negeri Sembilan dikatakan mempunyai elemen yang begitu unik. Menurut responden di dalam kajian ini, dialek yang digunakan oleh beliau merupakan dialek biasa dalam kalangan penutur naratif di Negeri Sembilan iaitu antara sekitar daerah Jelebu, Rembau, Seremban, dan juga daripada Kuala Pilah. Kata pengkaji ini, walaupun respondennya bukanlah daripada generasi yang lebih lama, akan tetapi dialek yang digunakan boleh digunakan di dalam penyelidikan pengkaji ini.

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulisnya Alanis Willie, Estherr Jara Anak Keyai, Neilda Zakaria, Ria Alvey Muin dan Kristy Alisha Kitap. Tajuk kajian mereka adalah yang berjudul Perbezaan seloka dan Gurindam pada tahun (2018). Kajian ini dijalankan bertujuan bagi membandingkan perbezaan diantara puisi tradisional seloka dan gurindam. Pengkaji berpendapat bahawa seloka mahupun gurindam sejenis puisi tradisional dan warisan yang popular semenjak berabad lamanya. Seloka juga merupakan sejenis puisi tradisional melayu yang tidak mempunyai struktur yang khas seperti mana pantun mahupun syair. Manakala gurindam pula dikenali sebagai puisi lama yang tidak mengandungi sukatan yang kekal. Kajian dapat merungkai perbezaan diantara kedua-dua puisi tradisional ini yang mana mempunyai perbezaan dalam beberapa unsur iaitu tujuan, sumber, gaya bahasa, baris, rima dan juga rangkap.

Penulisnya Mohammad Faizul Bin A.Razak. Tajuk kajian beliau adalah memfokuskan kepada Unsur-unsur kritikan dalam seloka Melayu di dalam Himpunan Melayu Klasik iaitu naskah dari Md Ali Bin Bacik dan Mohd Yusof Md Nor dalam naskah Rampasari Puisi Warisan pada tahun (2015). Dalam penyelidikan ini pengkaji telah menghurai unsur kritikan dalam seloka dan pengkaji juga telah mengaitkan dengan masyarakat pada zaman kini. Disamping itu, objektif utama pengkaji adalah menghuraikan definisi seloka dan pemikiran masyarakat melayu dengan tajuk dan persoalan. Dalam penyelidikan ini, pengkaji juga turut menjelaskan bahawasanya kajian pemikiran orang melayu dalam seloka tidak pernah dipandang dan dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakannya pembaca serta pengkritik sastera hanya menggangap seloka ini dapat digunakan sebagai bahan unsur sindiran dan memperlekehkan seseorang secara halus yang mempunyai makna yang tersirat disebalik unsur sindiran itu. Pengkaji juga menjelaskan bahawa seloka yang dikumpulkan itu jelas serta mempunyai ideologi yang mampu mencetus kebenaran untuk renungan bersama. Dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji menggunakan satu teori sastera iaitu teori strukturalisme. Kajian yang dilakukan sekarang adalah berbeza, teori yang digunakan bukan teori strukturalisme malahan pengkaji telah menggunakan teori teksdealisme untuk kajian ikon tokoh dalam seloka melayu.

Penulis Bejo Budianto. Tajuk kajian beliau ialah Pembelajaran Ilmu Pengetahuan Sosial Berbaris Bahasa Lokal pada tahun (2012). Kefahaman bahasa lokal sebagai aset yang sangat penting yang memiliki peranan yang disignifikan bagi suatu proses kegiatan belajar dan mengajar. Menurut pengkaji, dari hasil penelitian yang dijalankan terhadap kajian ini, ternyata berjalan dengan sempurna dan memberikan impak yang sangat baik bagi perkembangan kegiatan belajar mengajar di sekolah yang lebih banyak memahami bahasa lokal di bandingkan bahasa Nasional terutamanya etnik mandar di SMAN 1 di Pulau Laut Selatan.

Universiti Negeri Semarang, Indonesia. Penulisnya Muawanah Teguh Supriyanto pada tahun (2016). Tajuk kajian beliau yang berjudul Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia yang berjudul Pandangan Dunia Pengarang Dan Konteks Sosial “Rumah Tanpa Jendela” karya daripada Asma Nadya. Latar belakang kajian ini untuk mengkaji tentang pandangan dunia mengenai konteks sosial novel Rumah Tanpa Jendela. Terdapat dua kelompok dalam kalangan masyarakat yang miskin dan masyarakat kaya yang terkandung dalam jalan cerita teks yang dijalankan. Kajian ini juga turut mengkaji

mengenai beberapa persoalan, aspek budaya dan juga gambaran masyarakat yang terdapat di dalam teks tersebut. Akhir sekali penyelidikan ini telah menggunakan pendekatan atau teori strukturalisme.

Penulis Mohd Zuber dan rakan-rakannya pada tahun (2015). Tajuk kajian pengkaji ialah "Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal melihat Perspektif Pendekatan Pengurusan". Penyelidikan tersebut memberi gambaran bahawasanya didalam cerita Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Pengurusan dengan mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan sebagai satu wadah yang baru dalam dunia kritikan sastera terutamanya di Malaysia. Pengkaji menambah dalam kajianya menggunakan Prinsip Kepimpinan satu kesalahan satu prinsip yang diketengahkan dalam Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan pada tahun (2013). Disamping itu, pengkaji menunjukkan gambaran dalam tradisi ilmuan yang jelas memperlihatkan kepada kreatif idea dan intelektual masyarakat Melayu tradisi dalam sastera lisan sebagai khazanah warisan yang sangat unggul serta agung. Keintelektualan idea keilmuan yang dipaparkan di dalam teks kajian signifikan dan relevan dalam memperjelaskan kebijaksanaan dan ketajaman imaginasi serta sensitiviti pengarang khasnya aspek kepimpinan.

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulisnya ialah Ani Haji Omar. Tajuk kajian beliau adalah berjudul Kesusastraan Dan Peranan Puisi Dalam Kehidupan Kanak-kanak. Melalui kajian teks, artikel ini mengetengahkan tentang puisi dalam golongan kanak-kanak bertajuk Dari Jendela Terbuka karya Anis terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun (2009). Hasil seni kreatif bahasa yang diungkapkan berbagai fenomena kehidupan berlandaskan sensitiviti dan kreativiti seseorang pengarang. Penelitian memberi fokus kepada tiga benda utama yang berlainan kreativiti semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pertama, aspek seni bahasa yang menjadi alat pengucapan pengarang. Kedua, bentuk fenomena kehidupan yang menjadi persoalan manusia, dan ketiga kreativiti berkaitan, cara bagaimana untuk menampilkan bakat pengarang melalui cara gaya penciptaan. Ketiga-tiga hasil kajian merupakan fokus utama. Kajian ini menggunakan teori pemikiran yang bersepada setiap Teori Sistem Pemikiran Bersepada 4L / 4K (SPB4L / 4K) yang bersesuaian untuk diaplikasikan di dalam pengajaran serta pembelajaran bahasa dan sastera Melayu.

Penulisnya Roshadi. Daripada Balai Pelestarian Nilai Budaya (BPNB) Bandung. Tajuk kajian penulis ialah Tradisi Membangun Rumah Dalam Kajian Kearifan Lokal (Studi Kasus Pada Masyarakat Adat Kampung Dukuh) pada tahun (2015). Kewujudan masyarakat peribumi ditengah arus pemodenan dan globalisasi dalam kalangan masyarakat dilihat sebagai perkara yang unik. Di era globalisasi, semua orang sibuk dengan konsep dan ideologi yang lebih moden, masyarakat berusaha untuk mempertahankan dan memelihara tradisinya. Melalui kajian antropologi, terungkapnya bahawasanya tradisi yang ditegakkan oleh masyarakat dengan nilai-nilai kearifan tempatan, terutamanya dalam hubungan manusia dengan alam sekitar, baik alam, sosial, dan budaya. Melalui penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah deskriptif, penulis menggambarkan pelbagai fenomena semula jadi, sosial dan budaya, apa yang dialami, diketahui, dilihat, dirasakan, dan difikirkan oleh penduduk asli Kampung Dukuh mengenai fenomena alam dan keadaan geografi yang mereka hadapi pada setiap hari. Fenomena semula jadi dan budaya ini ditafsirkan dan kemudian mewujudkan tradisi yang penuh dengan kearifan tempatan. Tradisi ini juga mewarnai kegiatan membina rumah di kalangan penduduk Kampung Dukuh, mulai dari penggunaan bahan, ritual, dan juga pantang larang adat.

Universiti Diponegoro Semarang. Penulisnya ialah Indriastjario dan Bambang Adji Murtomo. Tajuk kajiannya yang bertajuk Kajian Kearifan Lokal Untuk Pengembangan Wisata Waduk Jatibarang Kota Semarang pada tahun (2016). Tujuan Kajian Kearifan Lokal ialah untuk Pengembangan Wisata Waduk Jatibarang Kota Semarang untuk menggali dan menemu perbagai hal yang berkenaan dengan keberanian Arsitektur Tradisional "omah pencu Gunung pati" sebagai wujud kearifan lokal yang dapat dijadikan sebagai acuan penyusunan Rencana Tata Bangunan & Lingkungan di Kawasan Wisata Waduk Jatibarang. Methode Penelitian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif kualitatif dan kajian kes dengan kajian etnografi. Penggunaan kaedah bagi mengkaji kearifan tempatan yang menggunakan data daripada informan. Methode kajian yang dilakukan dalam keadaan yang wajar dan data yang dikumpulkan menggunakan kaedah kualitatif.

Penulisnya ialah Natalia Lopes, Amir Hamzah dan Debora Budiyono. Tajuk kajiannya ialah yang berjudul Kajian Kearifan Lokal Masyarakat Di Dalam Melestarikan Lanskap Candi Sumberawan pada tahun (2016). Kearifan lokal ada nilai atau perilaku hidup masyarakat tempatan dalam berinteraksi dengan persekitaran hidup secara arif.

Bentuk kearifan masyarakat tempatan Sumberawan menwujudkan dalam bentuk keagamaan atau kepercayaan yang berhubungan dengan kekuatan ghaib. Tujuan penelitian ini adalah menganalisis karakter masyarakat sosial dan karakter lanskap di kawasan Candi Sumberawan dan juga menganalisis konsep kearifan masyarakat setempat Candi Sumberawan dalam melestarikan lanskap kawasan Candi Sumberawan. Penelitian yang dilakukan di Desa Toyomarto, Dusun Sumberawan, Kecamatan Singosari, Kabupaten Malang, Propinsi Jawa Timur. Penelitian ini menggunakan kaedah observasi dan teknik pengambilan sumber melalui pembagian kuisioner dengan jumlah 5 orang responden yang terdiri dari kedai masyarakat, pengelola, kedai adat dan perangkat desa. Analisis terdiri dari karakteristik sosial dan watak fizikal lanskap kawasan. Hasil penelitian menunjukkan watak sosial masyarakat Sumberawan dalam kegiatan kebersamaan dan dalam aktiviti lain akan selalu ada gotong royong dalam menjaga lanskap dan elemen-elemen lain yang mempunyai satu konsep kearifan lokal.

Penulis oleh Versatile Holiday Lado pada tahun (2021). Penulisan penulis melalui akhbar ini merujuk kepada Kearifan Lokal yang terdapat dalam kalangan masyarakat Jawa Tengah, Jawa Barat dan juga Bali. Melalui sorotan akhbaranya, menjelaskan pengertian kepada kearifan lokal yang selalu disampaikan dengan penjelasan dan pemahaman. Kearifan lokal juga kerap dihubungkan dengan budaya tradisional. Namun, kearifan lokal sebenarnya mempunyai aspek yang lebih luas daripada pengetahuan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis dalam akhbaranya kearifan lokal juga berkaitan dengan cara hidup dalam kalangan masyarakat yang mencerminkan gaya pengetahuan kebudayaan.

Penulis oleh Muh Aris Rifai. Dalam bukunya iaitu yang berjudul Pengantar Etika Lingkungan Dan Kearifan Lokal pada tahun (2019). Dalam buku penulis ini menyimpulkan tentang konsep kearifan lokal sebuah sistem yang mengintegrasikan pengetahuan, budaya, dan kelembagaan serta dalam mengelola sumber daya alam. Disamping itu menurut penulis, kearifan lokal wujud formasi dari keseluruhan bentuk, keyakinan, pengetahuan, kefahaman, wawasan, serta adat kebiasaan atau etika yang menuntun perlakuan manusia dalam kehidupan komunitas ekologi.

Karya oleh Dr. Puspitawati Dkk. Bukunya yang berjudul Kearifan Lokal Petani Kopi Dataran Tinggi Gayo pada tahun (2020). Karya beliau yang menjelaskan dari Clifford Gertz, memuatkan penjelasan bahawa substansi kearifan lokal adalah norma

yang berlaku di dalam kalangan masyarakat yang diyakini kebenarannya serta menjadi acuan dalam tindakan mahupun perilaku sehari-harian.

Penulis oleh Husnul Abdi. Tajuk penulis ini dalam sorotan akhbarnya menjelaskan tentang konsep maksud Kearifan Lokal adalah aspek Kebudayaan, Kenali Ciri, Fungsi Dan Bentuknya. Dalam sorotan akhbarnay penulis menerangkan Kearifan Lokal cerminan cara hidup sesebuah masyarakat. Kearifan lokal sebahagian dari budaya suatu masyarakat yang tidak mungkin dapat dipisahkan dari masyarakat itu sendiri. Hal ini dikatakan ianya merupakan warisan dari orang terdahulu. Disamping itu, kearifan lokal atau local wisdom ini biasanya diwarisi secara turun-temurun dari generasi ke generasi baru melalui cerita daripada mulut ke mulut. Kearifan lokal biasanya terdapat pada cerita rakyat, peribahasa, lagu sehingga permainan di dalam kalangan rakyat.

Penulis oleh Ulfah Fajarini. Tajuk jurnalnya yang bertajuk Peranan Kearifan Lokal Dalam Pendidikan Karakter pada tahun (2014). Penyelidikan ini untuk mengkaji tentang kearifan tempatan di negara Indonesia yang berperanan dalam membentuk pendidikan sesebuah watak. Kearifan tempatan hanya akan berkekalan jika pengetahuan tempatan dilaksanakan dalam kehidupan seharian yang konkret sehingga mereka dapat bertindak balas. Kearifan tempatan juga dilaksanakan dalam negara, misalnya dengan menerapkan kebijakan ekonomi berdasarkan gotong-royong dan kekeluargaan sebagai salah satu manifestasi kearifan tempatan. Bagi mencapai ideologi negara (Pancasila) harus dilaksanakan dalam pelbagai kebijakan negara. Oleh itu, pengetahuan tempatan secara berkesan akan berfungsi sebagai senjata bukan hanya warisan yang melengkapkan orang untuk bertindak balas dan menjawab era semasa.

Jurnal inspirasi pendidikan karya oleh Sabitul Kirom yang berjudul Penguatan Karakter Diri Melalui Pembelajaran Drama Berbasis Kearifan Lokal Pada Mahasiswa dan mahasiswi pada tahun (2018). Penelitian ini mendeskripsikan mengenai watak diri melalui pembelajaran dalam drama yang menelusuri kearifan lokal dalam kalangan pelajar. Rancangan pembelajaran dan penerapan pembelajaran drama yang mendasari kearifan lokal untuk penguatan watak pada pelajar. Penelitian ini termasuk ke dalam kajian deskriptif kualitatif. Hasil kajian ini adalah rancangan pembelajaran yang mendasarkan kearifan lokal yang dilakukan dengan mengintegrasikan dua perkara utama yakni kearifan lokal dan nilai pendidikan karakter dalam pembelajaran. Selanjutnya, penerapan pembelajaran drama yang mendasari kearifan lokal tercermin melalui proses

pembelajaran. Unsur kearifan lokal yang tidak ada budaya, cerita rakyat, dan kesenian daerah. Pengintegrasian unsur kearifan lokal dalam belajar juga digunakan sebagai penguatan pendidikan karakter pada pelajar.

Jurnal Kajian Sastera karya oleh Iswadi Bahardur yang berjudul Kearifan Lokal Budaya Minangkabau Dalam seni Pertunjukkan Tradisional Randai pada tahun (2018). Seni pertunjukkan tradisional menggunakan kearifan lokal masing-masing. Demikian juga dengan seni pertunjukan tradisional randai dari Minangkabau. Falsafah adat serta agama yang dianuti oleh masyarakat Minangkabau. Namun, sampai hari ini kajian terhadap randai Minangkabau masih dominan pada aspek etika dan estetika sebagai seni tari dan seni pertunjukan teater. Kajian kearifan lokal budaya Minangkabau dalam randai masih sedikit dieksplorasi. Berlatarbelakang hal tersebut, kajian ini meneroka dan menganalisis unsur-unsur kearifan lokal budaya Minangkabau yang terdapat dalam seni pertunjukan tradisional randai.

Jurnal Bakti Saraswati oleh Ida Bagus Brata yang berjudul Kearifan Budaya Lokal Perekat Identitas Bangsa pada tahun (2016). Kajian mengenai masalah kesedaran kolektif lokal dan identitas nasional dalam era globalisasi sangat relevan untuk diwacanakan. Kenyataan ini seiring berubah dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara pasca reformasi seiring timbulnya masalah yang sangat hampir dalam semua aspek kehidupan. Tuntutan yang kerap memicu permasalahan krusial, dapat mengancam keutuhan dalam hidup bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara. Kearifan lokal merupakan budaya yang harus dikaji dan direvitalisasikan kerana intipati yang sangat penting dalam menghadapi tantangan globalisasi.

Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera 9 karya oleh Maizar Karim yang berjudul Kearifan Lokal Melayu Dalam Karya Sastra Melayu Klasik pada tahun (2019). Pendekatan yang digunakan adalah kualitatif dengan kaedah deskriptif analisis. Teori kajian adalah hermeneutik. Penelitian ini mengkaji pada kearifan tempatan Melayu dalam karya sastera Melayu klasik yang dikategorikan atas tiga nilai, iaitu (1) kebudian: budi adalah cita-cita hidup orang Melayu. (2) keindahan: konsep atau kebesaran Allah, wujud yang sempurna yang dikurnia Allah sesuatu yang luar biasa, (3) nilai-nilai moral: tanggungjawab jawab, keharmonian, keterbukaan, kejujuran, ketaatan dan kesetiaan, harga (harga diri), tenggang rasa, kesantunan, kebersamaan, kemaafan, dan keadilan.

Kearifan lokal Melayu merupakan nilai tradisi Melayu, merupakan kekuatan dan sumber penting identiti kemanusiaan.

International Journal of Indonesian Sosial dan Budaya karya oleh Ira Indrawardana yang berjudul Kearifan Lokal adat Masyarakat Sunda Dalam Hubungan Dengan Lingkungan Alam pada tahun (2012). Tujuan Penelitian 2012 ialah untuk mendefinisi kearifan masyarakat adat Sunda dalam hubungan dengan lingkungan alam. Penelitian yang dilakukan secara kualitatif terhadap masyarakat Sunda Kanekes. Penelitian dihasilkan temui pada waktu kearifan masyarakat setempat Sunda Kanekes melarikan diri dari pengalaman masyarakat Sunda lama yang sangat akrab dengan lingkungan. Kearifan adat lokal, suatu sosial dan budaya yang di dalamnya terkandung khazanah nilai budaya yang menghargai dan menyesuaikan diri dengan alam sekitar.

Jurnal Seminar Internasional karya oleh Ahmad Husin yang berjudul Kearifan Lokal Dalam Puisi-Puisi A.Mustofa Bisri pada tahun (2019). Kajian mengenai kearifan tempatan salah seorang budayawan, penyair, organisatoris sekali kiai pengasuh pondok Rembang, melalui puisi, iaitu A. Mustofa Bisri yang lebih dikenali dengan nama Gus Mus. Kajian menggunakan kaedah analisis isi. Selain itu, sumber data kajian berasal dari naskah puisi-puisi yang dikarang oleh A. Mustofa Bisri. Hasil dapatan kajian dalam penelitian ini adalah meneroka kearifan lokal dalam naskah puisi-puisi daripada A. Mustofa Bisri yang berkait rapat dengan nilai-nilai kearifan lokal pada setiap pusat pondok (tradisi Islam) sebagai latar belakang dari proses kreatif penyairnya. Kearifan lokal yang dimaksudkan adalah siddiq. Iaitu satu kenyataan yang benar-benar tercermin dalam bentuk, tindakan ataupun keadaan batinnya. Kedua amanah adalah sebuah kepercayaan yang wujud dalam sesuatu yang dilakukan dengan penuh komitmen, kompeten, kerja keras dan konsisten. Ketiga tabligh secara etimologi iaitu bahasa yang berasal dari kata balagha, yang bererti menyampaikan. Tabligh ialah kata kerja yang bermaksud menyampaikan atau melaporkan dalam erti menyampaikan sesuatu kepada orang lain.

Jurnal Sumatera Barat karya oleh Chandra Hary yang berjudul Bentuk Kearifan Lokal dalam Kumpulan Puisi Kanaya Karya Rini Intama pada tahun (2021). Penelitian ini berlatarbelakangkan oleh wujud bentuk kearifan lokal dalam kumpulan puisi Kanaya karya Rini Intama yang ditinjau dari kebudayaan yang tiada tandingannya. Penelitian ini difokuskan pada bentuk kearifan lokal dalam kumpulan puisi Kanaya karya Rini Intama. Tujuan kajian ini adalah untuk mendeskripsikan bentuk kearifan lokal dalam kumpulan

puisi Kanaya karya Rini Intama. Jenis kajian ini adalah kajian kualitatif. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis konten (analisis isi). Sumber data dalam penelitian ini menggunakan kata-kata seperti kalimat, dan wacana yang berkaitan dengan bentuk kearifan lokal dalam kumpulan puisi Kanaya karya Rini Intama. Sumber data dalam kajian ini adalah kumpulan puisi Kanaya karya Rini Intama. Hasil kajian ini menunjukkan bentuk-bentuk kearifan lokal yang terkandung dalam kumpulan puisi Kanaya karya Rini Intama ditinjau dari unsur kebudayaan iaitu seperti berikut. Pertama, peralatan kebudayaan seperti bentuk rumah adat, pakaian yang digunakan oleh masyarakat. Kedua, tidak ada kebudayaan mata pencarian yaitu sebagai pemetik tiga dawai kecapi dan juga Sinden. Ketiga, tidak kebudayaan sistem kemasukan yang tersedia dalam bentuk ritual, sistem kerajaan yang menceritakan apa adanya bentuk kerajaan. Keempat, tidak kebudayaan sistem bahasa Sunda yang dipergunakan untuk komunikasi sehari-hari seperti ada kata-kata kawih pangeuyeuk.

Jurnal Akademika 86 karya oleh Jyh Wee Seww yang bertajuk Analisis Kajian Sastera: Simiotik Dalam Novel Anwar Ridhwan pada tahun (2016). Perbincangan pada tahun 2016 adalah untuk menilai kualiti penerbitan ilmiah pada tahun 2014. Kerangka kajian ilmiah yang digunakan dibahagikan kepada penilaianya kedalam dua kategori iaitu penampilan luaran dan struktur dalaman. Kategori pertama iaitu mengkaji kualiti suntingan serta ketepatan rujukan sementara kategori kedua kajian meneliti elemen teori kualiti dan ketepatan yang digunakan sebagai forum perbincangan. Penyuntingan kualiti bermakna ketepatan dalam ejaan sesuatu bahasa. Ketepatan rujukan saintifik bermakna penampilan semua rujukan yang digunakan ke dalam senarai bibliografi itu. Penyelidikan kualiti dalam perbincangan ini merujuk kepada pengembangan pengetahuan dari analisa berterusan buku dengan hasil penyelidikan yang ada, atau membetulkan hasil kajian yang terdapat dalam sorotan kajian. Perbincangan semiotic yang dipaparkan agak sedikit terbatas. Konsep mitologi, iaitu analisis semiotic pada tahap tinggi yang dipelopori oleh Roland Barthes di luar skop analisis naskah novel menunjukkan bahawa penyelidikan semiotic dalam buku ini hanya sekadar mengemukakan istilah semiotic sebagai satu katalog penganalisan novel melayuu.

Jurnal Peradaban Melayu karya oleh Rahayu Akhesah, Mohd Rosli Saludin Dan Ghazali Din yang berjudul Unsur Estetik dalam Sajak Karya Rahman Shaar pada tahun (2017). Kajian bertajuk 'Unsur Estetik Dalam Sajak Karya Rahman Shaari'ini dijalankan untuk menganalisis tak estetika dalam beberapa sajak terpilih Rahman Shaari. Kajian ini

juga digunakan Teori Stilistik untuk mengkaji tentang bahasa yang diterapkan dalam hasil karya sajak beliau. Metodologi kajian ini pencarian kualitatif berdasarkan kajian teks. Karya beliau banyak mendengarkan mengenai tema alam, cinta, politik, setia kawan, patriotik, alam perkahwinan dan agama. Hasil kajian ini penting untuk mengapresiasi sumbangan karya Rahman Shaari dan harapan kajian ini menjadi pendorong untuk dia terus menulis dalam bidang puisi dan terus berusaha dalam menghasilkan karya dalam penghasilan sajak lain novel dan cerpen. Secara keseluruhan kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan bukti Rahman Shaari sangat penting dalam memartabatkan bidang puisi dan merupakan satu wadah untuk urusan kesinambungan kesenian puisi dalam bidang kesusastraan Melayu dalam peradaban Melayu.

Penulis oleh Dasrun Hidayatt, Zainur Rosidah, Maya Retnasari dan Mahardiansyah Suhade yang berjudul Nilai-Nilai Kearifan Lokal pada unsur naratif dan sinematik Filem Jelita Sejuba pada tahun (2019). Jelita Sejuba ialah sebuah filem layar lebar yang meningkatkan nilai kearifan lokal di Pulau Natuna. Filem ini menggunakan dialog melalui narasi percintaan gaya anak muda Natuna. Tujuannya adalah untuk mengetahui nilai-nilai kearifan lokal yang terkandung pada setiap simbol budaya pada filem tersebut. Penelitian ini menggunakan kajian kaedah kualitatif deskriptif dengan paradigma post- positivistik. Melibatkan beberapa sebagai sumber data untuk memberikan jawapan atas beberapa pertanyaan wawancara. Hasil yang diperoleh nama Jelita merupakan kecantikan dan keluhuran budi anak gadis Natuna. Kecantikan seperti dianalogikan seperti mana kecantikan pulau Natuna yang disebut Sejuba. Analisis data kajian juga memaparkan nilai-nilai kearifan tempatan melalui filem sinematik. Lokasi dengan menggunakan latar belakang Pulau Natuna meliputi rumah khas masyarakat natuna yang terletak berhadapan dipinggir pulau. Temuan nilai kearifan lokal lainnya berkait dengan penggunaan bahasa melayu di beberapa adegan filem Jelita Sejuba.

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulis oleh Minah Sintian kajian yang berjudul Nilai-Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun pada tahun (2019). Cerita rakyat adalah tradisi lisan yang lahir dalam masyarakat tradisional yang belum mengenal sistem tulisan. Penyebaran dan perwarisan secara lisan tumbuh dan berkembang dalam masyarakat selain wujud dalam budaya masyarakat itu sendiri, wujud dalam pelbagai versi. Penciptanya tidak diketahui, bentuk dan struktur yang tetap, pralogi khas, dalam kehidupan secara langsung kolektif. Masyarakat Kadazandusun kaya dengan cerita rakyat berkisar dalam lingkungan mereka yang merangkumi hubungan

manusia dengan haiwan, manusia dengan tumbuh-tumbuhan dan hubungan manusia dengan kuasa ghaib. Kaedah kepustakaan dijalankan untuk mendapatkan sumbe rujukan dan kajian data sekunder. Sebanyak dua buah buku cerita rakyat diperoleh melalui data nilai-nilai kearifan lokal yang kemudian dianalisis dan diinterpretasi secara komprehensif. Hasil analisis, cerita masyarakat Kadazandusun adalah antara produk budaya yang berjaya mengungkapkan nilai-nilai kearifan lokal seperti selalu berdoa menggunakan pertolongan dan melindungi kepada Tuhan, menjaga keharmonian kehidupan manusia dengan alam, bekerja bersungguh-sungguh, memupuk keberanian dalam kehidupan, saling membantu sesama manusia, selalu menepati janji dan melestarikan tradisi leluhur. Justeru itu, cerita orang yang menyokong nilai kearifan lokal wajar dilestarikan dalam kehidupan seharian.

Jurnal Malaysia dan Komunikasi karya oleh Badrul Redzuan Abu Hassan dan Nur Hafizoh Idris. Kajian yang berjudul Analisis Dekonstruktif Terhadap Satira Sosiobudaya Dan Politik Dalam Filem Lelaki Harapan Dunia pada tahun (2020). Masyarakat Melayu di Nusantara Melayu memiliki kecenderungan bersatira sebagai sebahagian dari akal budi Melayu yang menonjolkan kehebatan warisan bahasa untuk tujuan menegur, mendidik dan menggunakan akhlak sejarah dengan ajaran agama Islam. Satira dinikmati secara mapan pada hari ini sebagai representasi kehidupan seharian yang dihasilkan untuk tujuan hiburan dan seloka persendaan. Komunikasi bersatira dilihat semakin popular dan digunakan oleh sebilangan masyarakat era digital yang giat menyuarakan pendapat dan juga kritikan mereka menggunakan isu-isu logik, agama, moralitas dan integrit pemimpin masyarakat dan figura popular. Dalam erti kata lain, aspek sosiobudaya dan politik dilihat mendominasi wacana bersatira yang berlangsung di ruang masyarakat termasuklah budaya popular seperti filem. Makalah ini biasanya mengupas dan membahas satu analisis dekonstruktif aliran Derrida untuk mencari makna-maknanya yang tersulam dalam wacana bersatira filem Lelaki Harapan Dunia (LHD, 2014) arahan Liew Seng Tat. Melalui kaedah analisis dekonstruktif, hasil kajian menunjukkan satira yang mewacanakan aspek sosiobudaya dan politik dalam filem ini. Persendaan satira sosiobudaya menumpukan implikasi dan subteks wacana kepada permasalahan penggunaan bahasa Malaysia dan ketaksuban masyarakat terhadap alam metafizik, sementara persendaan satira politik menjurus kepada amalan sogokan oleh ahli politik korup. Rumusan pencerahan yang dijumpai dari analisis dapatkan kajian mencadangkan

bahawa pengarah filem ini telah membuat representasi yang klinikal dan kritis mengenai akal budi Melayu dengan strategi dan menarik melalui satira sosiobudaya dan politik

## 2.4 PENUTUP

Secara kesimpulannya, berdasarkan pernyataan-pernyataan yang telah dijelaskan oleh pengkaji, maka membuktikan bahawa ramai para sarjana atau pun tokoh sastera samada dalam negara ataupun luar negara mengkaji mengenai puisi tradisional seloka. Disamping itu, tinjauan literatur melalui pandangan sarjana terhadap seloka juga dapat melihat dari sudut pandangan para sarjana yang berbeza pendapat mereka mengenai asal usul, definisi disebalik seloka itu. ini menunjukkan bahawa setiap sarjana mempunyai pandangan yang berbeza mengenai seloka. hasil sorotan kajian ini meneliti tinjauan terhadap sorotan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa orang para sarjana sastera berkenaan dengan tajuk kajian ini. Tinjauan ini bertujuan bagi memberi penekanan kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kearifan lokal sebagai aspek sindiran bagi mendapatkan kefahaman, contoh kajian serta gambaran yang lebih jelas dan lebih terperinci terhadap kajian yang bakal dijalankan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian. Metodologi kajian yang digunakan ialah pengkaji akan menggunakan dua method agar dapat menghasilkan kajian yang tepat dan berkualiti bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Teknik penyelidikan ini merupakan teknik penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapat data dan maklumat. Penyelidikan perpustakaan merupakan salah satu cara pengkaji bagi mendapatkan data-data serta bukti kajian melalui kajian ke atas dokumen. Pengkaji telah memutuskan untuk memilih dengan menggunakan kaedah seperti kaedah kualitatif dan kaedah kerangka konseptual. Kerangka konseptual digunakan bagi tujuan membantu pemahaman dan penghuraian konsep-konsep penting. Kaedah kualitatif telah dipilih bagi menyiapkan tugas ini bagi mendapatkan maklumat dan bahan berkenaan dengan kajian kearifan lokal dalam seloka sebagai unsur sindiran dalam kalangan masyarakat Melayu.

Metodologi kajian ini memberi fokus kepada kaedah kajian ini dalam menganalisis aspek sindiran yang terkandung pada seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Tujuan utama metodologi kajian ini dijalankan bagi memudahkan pengkaji membuat kajian terhadap seloka tersebut berdasarkan analisis-analisis yang terkandung dalam kerangka konseptual. Menurut Kamun dewan, Edisi Keempat (2005:1030), metodologi didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan perinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Kaedah kualitaif dan kaedah kerangka konseptual ini telah dipilih kerana pengkaji secara umumnya akan merumuskan beberapa kajian yang berkenaan dengan tajuk kajian ini.

### **3.2 KAEADAH KUALITATIF.**

Pengkaji telah membuat keputusan untuk memilih dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif telah dipilih bagi menyiapkan tugas ini. Kaedah kualitatif ini telah dipilih kerana pengkaji secara umumnya akan mengkaji tajuk kajian yang telah dijalankan dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Kaduk dengan melihat aspek-aspek sindiran melalui kearifan lokal dalam seloka tersebut.

### **3.3 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Bagi memastikan kajian yang dibuat oleh pengkaji berjalan dengan lancar dan sempurna, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan seperti perpustakaan, sumber internet dan sorotan kajian lepas. Kajian ini dijalankan untuk memperolehi maklumat dan bahan yang berkaitan dengan tajuk tugas pengkaji. Bahan-bahan rujukan yang diperolehi melalui buku-buku Cerita Jenaka Melayu 2007. Pengkaji juga merujuk bahan-bahan yang bercetak seperti artikel jurnal dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji ini. Seterusnya, bahan-bahan rujukan yang diperolehi oleh pengkaji melalui naskah himpunan aspek kritikan terhadap seloka dan Teori Kritikan Sastera karya Abdul Halim Ali. Kajian ini adalah terbatas dan ianya berbentuk kepustakaan.

Kajian perpustakaan ini telah dijalankan bagi membuat rujukan berkenaan definisi, istilah, kritikan yang terdapat di dalam tajuk tersebut. Selain itu, dalam usaha mencari kajian lepas perpustakaan digunakan sebagai sumber rujukan utama pengkaji dalam tugas ini. Kaedah tersebut merupakan tujuan utama pengkaji bagi memperolehi maklumat yang lebih jelas dan saling berkaitan dengan tajuk tugas.

Selain itu, bagi memantapkan lagi idealogi dan maklumat kajian yang lebih jelas, pengkaji turut menggunakan beberapa bahan sumber daripada sorotan kajian lepas dari dalam dan luar negara serta bahan-bahan daripada sorotan akhbar. Disamping itu, pengkaji turut menggunakan pelbagai jenis buku ilmiah. Pengkaji juga tidak terlepas dalam merujuk latihan-latihan ilmiah oleh beberapa pengkaji yang terdahulu. Ia adalah amat penting bagi pengkaji untuk mendapatkan pengetahuan disamping dijadikan panduan baharu tentang kerja-kerja untuk melaksanakan tugas ini.

Hasil daripada kaedah perpustakaan ini pengkaji dapat memperolehi banyak maklumat yang bermanfaat, iaitu berkenaan dengan tajuk yang telah dikaji oleh pengkaji iaitu tentang Kearifan Lokal dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir melalui aspek sindiran dan kenyataan yang terdapat dalam seloka tersebut.

### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Pengkaji banyak menggunakan kaedah-kaedah seperti mendapatkan sumber-sumber rujukan daripada kepustakaan yang bercetak seperti buku-buku yang ilmiah, dan sumber-sumber sorotan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang para sarjana yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Justeru itu, kaedah kepustakaan dapat membantu mengukuhkan lagi idea pengkaji dalam menyiapak tugasannya. Dengan berbekalkan kaedah perpustakaan ini pengkaji mendapat banyak maklumat yang berguna, iaitu merujuk kepada tajuk yang telah dikaji oleh pengkaji iaitu tentang kearifan lokal dari segi aspek sindiran dalam seloka Pak Kaduk dan juga Pak Pandir.

### **3.3.2 Kaedah Internet**

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah daripada sumber rujukan daripada internet bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan tajuk kajian ini. Kaedah tersebut merupakan sebahagian daripada rujukan untuk menyiapkan tugasannya dengan lebih tepat dan terperinci untuk diaplikasikan didalam kajian ini khususnya.

### **3.3.3 Kaedah Pertalian teks**

Kaedah pertalian teks ini telah digunakan untuk mengkaji dan menrungkai sesebuah teks sastera dengan melihat hubungan teks yang dikaji dengan teks yang lalu atau teks terkini. Melalui teks yang lalu, mengenai penyebaran dan pertalian unsur-unsur kritikan budaya sastera itu dari zaman ke satu zaman.

### 3.4 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual adalah suatu hubungan atau kaitan antara konsep satu terhadap konsep yang lainnya dari masalah yang ingin diteliti. Kerangka konsep ini digunakan untuk menghubungkan atau menjelaskan secara terperinci tentang suatu topik yang ingin dibahaskan. Kerangka ini diperolehi dari konsep ilmu atau teori yang dipakai sebagai landasan penelitian yang didapatkan pada tinjauan pustaka. Disamping itu, boleh dikatakan ianya merupakan satu penelitian ringkas dari tinjauan pustaka yang dihubungkan dengan garis sesuai variabel yang diteliti. Selain itu, Kerangka Konseptual juga menggunakan satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat-peringkat atau fasa-fasa dalam kajian. Ia juga boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Kerangka konsep lebih khusus bersifat tentatif dan belum dibangunkan secara langsung setiap kerangka teori menurut Norwood, 2000. Ertinya, ia merujuk sesuatu teori yang belum diuji. Lebih jelas lagi, kerangka konsep adalah kerangka yang menunjukkan hubungan sebab-kesan antara pemboleh ubah tak bersandar (bebas) dan pemboleh ubah bersandar (bergantung) yang biasanya digambarkan dalam sebuah rajah atau grafik.

Sama ada kerangka teori atau kerangka konsep, kedua-duanya tertumpu kepada konsep dan pembolehubah yang hendak dikaji. Kerangka teoritikal/konseptual ibarat peta untuk sesuatu kajian. Kedua-dua istilah ini merujuk kepada garis panduan atau struktur yang menghubungkan semua pemboleh ubah atau idea utama yang terlibat dalam kajian. Kerangka konseptual adalah kerangka yang dijalankan dalam sesuatu kajian dan isi belum mantap. Manakala, kerangka teoritikal pula telah mantap, atau kerangka konseptual yang telah pun diuji. Namun kedua-dua istilah ini digunakan dalam panduan atau struktur yang menghubungkan semua pemboleh ubah atau idea utama yang terlibat dalam sesuatu kajian bagi memudahkan pengkaji menentukan perkaitan pemboleh ubah dan idea-idea tersebut. Kedua-duanya lazim dipaparkan dalam bentuk grafik.

### 3.5 KAEDEAH ANALISIS DATA



#### 3.5.1 PENDEKATAN ESTETIK BAHASA

Estetik bahasa merupakan fungsi untuk melahirkan rasa keindahan dalam sebuah karya sastra terutama dalam bidang cerpen dan seloka. Gaya keindahan ungkapan bahasa, kata-kata dan makna yang berlapis lapis. Nilai estetik sarat dengan nilai-nilai kehidupan masyarakat seperti imej alam, tumbuh tumbuhan dan latar masyarakat melayu. Seloka mempunyai aspek estetik yang agak tinggi yang menyentuh seluruh kehidupan masyarakat yang mengajar, mendidik dan membentuk peribadi manusia kearah kebaikan. Dapat dilihat estetik bahasa melalui seloka Pak Kaduk dalam hidupnya manusia memerlukan hubungan dengan alam dan hubungan dengan manusia lain. Alam persekitaran dan kampung halaman. Hubungan dengan manusia lain diperlihatkan dengan hubungan isteri. Citra keluarga memberi penekanan kepada faktor sentiman keluarga, kasih sayang dan hubungan kekeluargaan sebagai contoh citra kemelayuan. Kerana dosa dan kesalahannya Pak Kaduk menerima balasan. Dia nyaris mati oleh tak makan. Kita juga mendapat gambaran tentang apa yang berlaku pada Pak Kaduk. Angin telah mati ketika dia hendak belayar, (*Masa belayar kematian angin. Sauh dilabuh bayu berpuput*). Estetik bahasa dalam seloka Pak Pandir pula dapat dilihat sebahagian besar dari maksud seloka Pak Pandir disampaikan melalui estetik peribahasa. Oleh itu ia menunjukkan dengan jelas hubungan yang rapat antara seloka dan peribahasa. Di sini terdapat sekurang-kurangnya empat ungkapan yang merupakan peribahasa yang terkenal.

(Mendengar guruh di langit air tempayan dicurahkan, Mulut kena suap pisang,buntut kena cangkuk onak, Gunting makan di hujung, Gelagak rambutan jantan, orang berbunga dia bebunga. orang berbuah dia haram)

### 3.5.2 PENDEKATAN KEARIFAN LOKAL

Kata majmuk kearifan lokal terdiri daripada dua konsep kata, iaitu, kearifan (wisdom) dan lokal (local). Menurut Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003:139), “kearifan” bermaksud perihal arif; kebijaksanaan. Dari perspektif falsafah, kearifan lokal itu dapat didefinisikan sebagai suatu sistem pengetahuan masyarakat lokal (indigenous knowledge system) yang bersifat empirikal dan pragmatik. Manakala, kata lokal diertikan sebagai “di dalam negeri” (2003:1637). Maka ini akan membicarakan perihal kearifan lokal yang disampaikan dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir dihasilkan oleh segelintir golongan masyarakat pada masa dahulu. Masyarakat melayu tradisi menggunakan kearifan lokal sebagai alat komunikasi bagi menyindir dan menyedarkan seseorang tanpa menguris hati mana-mana pihak. Masyarakat melayu tradisi mengkritik dan menyindir sikap perilaku manusia melalui kebijaksaan pertuturan mereka. Kearifan lokal wujud melalui dalam pengetahuan yang ditemukan atau diperoleh oleh orang-orang dahulu melalui himpunan pengalaman-pengalaman hidup yang dipelajari dan terintegrasi dengan kefahaman tentang persekitaran alam dan budaya mereka. Umumnya, penyampaian kearifan lokal itu dianggap sebagai pandangan hidup, ilmu pengetahuan dan perlbagai masalah kehidupan yang berlaku dalam kalangan masyarakat zaman dahulu. Kearifan lokal dalam seloka wujud secara konseptualnya. Ia adalah merupakan kebijaksanaan manusia yang berlandaskan pada falsafah nilai-nilai, etika, cara dan perilaku yang mengakar secara tradisional. Umumnya, kearifan lokal itu dianggap sebagai pandangan hidup, ilmu pengetahuan dan perlbagai strategi kehidupan yang dilakukan oleh masyarakat lokal atau peribumi dalam mendepani berbagai-bagi permasalahan bagi memenuhi keperluan hidup mereka.

### 3.5.3 PENDEKATAN ASPEK SINDIRAN

Seloka dikarang untuk menyampaikan kritikan dan sindiran terhadap sesuatu kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Ia disampaikan melalui pertuturan oleh masyarakat zaman lampau dahulu secara turun temurun lalu disebarluaskan dengan lebih luas hingga kekal utuh hingga ke hari ini. Seloka disampaikan untuk mengkritik dan menyindir secara halus Aspek sindiran bahasa yang digunakan dalam kedua-dua seloka tersebut disampaikan secara tersirat dan tidak secara terus terang. Fungsi penyampaian bahasa sindiran tersebut bernada ejekan atau berunsurkan sindiran yang sinis terhadap sesuatu kelakuan sesetengah anggota masyarakat. Kebanyakkan bait-bait bahasa yang diucapkan bagi menegur secara tersirat kepada seseorang itu. Seloka juga mengandungi banyak peribahasa yang disusun dengan cara senada atau mempunyai irama. Aspek sindiran digunakan secara berlapik dan berkias dalam nada bergurau. Melalui aspek sindiran terhadap budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara berterus terang tetapi secara halus tetapi amat tajam maknanya. Kata-kata yang digunakan di dalam seloka adalah simbol yang mengandungi makna yang tersirat. Hal ini terbukti bahawa pengarang seloka adalah pemikiran yang amat tajam terhadap alam dan masyarakat di sekeliling. Mereka peka terhadap segala sindiran yang dilontarkan dan tanggungjawab bagi menyampaikan teguran dan kritikan.

### 3.5.4 PENDEKATAN ASPEK PEMIKIRAN

Pendekatan aspek dari segi pemikiran merumuskan tentang gambaran dalam seloka *Pak Pandir* dan *Pak Kaduk*. Memberi gambaran kehidupan *pak Kaduk* yang kerugian harta bendanya kerana terlibat dalam aktiviti perjudian menyabung ayam. Selain itu, hidup *Pak Pandir* yang berasas malang, iaitu seorang yang malas bekerja dan menyusahkan orang lain. Memberi gambaran kehidupan masyarakat yang dirundung malang kerana mempunyai sikap yang tamak dan mudah diperdaya oleh orang lain dan mendatang kesesalan. Orang yang tidak berilmu akan menjadi bahan ketawa masyarakat dan hal ini menyebabkan diri sendiri akan terus terhina.

### 3.5.5 PENDEKATAN DARI SEGI BENTUK/ SIFAT SELOKA

Bentuk/Sifat seloka Pak Kaduk

Seloka Pak Kaduk adalah sebuah puisi berbentuk bebas atau tidak terikat. Seloka ini mempunyai tujuh hingga sembilan suku kata dalam setiap baris. Rima akhirnya terdiri daripada a,b,c,c,d,e,f,c,c. Seloka ini juga hanya mengandungi satu rangkap sahaja. Dari segi perkataan. Sebagai contoh dalam seloka Pak Kaduk mempunyai tiga hingga lima patah perkataan.

Bentuk/sifat seloka Pak Pandir

Bentuk Seloka ini Terdiri daripada dua baris atau dua kerat, yang setiap berbeza 16 kata kata, yang disusun dalam empat unit. Puisi bebas dari segi rangkap (sama ada berangkap atau tidak berangkap). Jika berangkap tidak tentu barisnya dalam serangkap dan tidak tentu jumlah penggunaannya dalam sebaris. Seloka juga boleh jadi wujud rima atau tidak. Seloka biasa menggunakan beberapa baris atau rangkap untuk melengkapkan keseluruhan idea.

### 3.6 PENUTUP

Kesimpulannya, Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kerangka konseptual dan kaedah kualitaif dalam kajian ini. Kaedah secara konseptual ini merupakan penyelidikan yang berasaskan teks yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan kualitatif. Justeru itu, kerangka konsep dan kaedah kualitatif dapat membantu mengukuhkan lagi idea pengkaji dalam penguraian konsep-konsep penting. Kerangka konsep menunjukkan idea-idea yang berkait rapat dengan konsep utama dan memerihalkan penggunaan yang sistematik untuk penggunaan ciri-ciri penting bagi konsep tersebut. Kerangka konsep membekalkan idea berterusan yang khusus dan batasan untuk menjalankan kajian ini. Kaedah kualitatif juga membantu pengkaji dalam memantapkan setiap hasil kajian.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian hasil daripada analisis yang telah dikaji. Bab ini akan membincangkan fungsi seloka, aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial dan bentuk pengajaran yang terdapat dalam seloka. Antara seloka-seloka yang telah dibataskan adalah seloka Pak Kaduk dan Seloka Pak Pandir. Kedua-dua seloka ini akan diaplikasikan dengan menggunakan Kaedah Kerangka Konseptual.

#### 4.2 Fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi.

Pada kajian yang pertama ini pengkaji mengenalpasti fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu secara khususnya. Dapatan kajian yang pertama ini pengkaji telah menganalisis fungsi sebagai hiburan tersebut dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Fungsi seloka adalah untuk mendidik, memberi nasihat, kesedaran kepada masyarakat melayu tradisi.

##### 4.2.1 Berfungsi Untuk Mendidik masyarakat.

Nilai didikan dalam kehidupan seseorang itu merupakan nilai yang mampu menjadikan seseorang masyarakat itu berkelakuan lebih baik. Didikan itu lahirnya daripada unsur nasihat yang ada disebalik sindiran yang telah disampaikan secara tersirat. Menurut sarjana Harun Mat Piah, beliau menjelaskan fungsi seloka sebagai hiburan oleh masyarakat Melayu digunakan untuk mengkritik semua perlakuan negatif anggota masyarakat tanpa menyinggung perasaan seseorang. Beliau juga menjelaskan, disebalik kritikan itu adanya unsur didikan untuk masyarakat supaya berkelakuan dengan lebih elok. Walaupun fungsinya sebagai hiburan akan tetapi nilai didikan amat jelas yang terdapat dalam seloka.

Berdasarkan pendefinisian dan pendapat yang diutarakan oleh sarjana tersebut dapat disimpulkan bahawa didikan merupakan satu nilai baik yang harus dibina dan mampu membentuk seseorang masyarakat itu agar bersikap lebih sopan.

Menerusi seloka Pak Kaduk, dapat dilihat melalui watak Pak Kaduk yang ditonjolkan yang bersikap suka melakukan perkara yang tidak mendatang manfaat dan faedah. Sikap Pak Kaduk tersebut dipaparkan sebagai masyarakat yang suka melakukan perkara yang sia-sia tanpa memikirkan akibat yang buruk pada diri sendiri dan isteri. Sikap Pak Kaduk tersebut dapat dilihat melalui contoh petikan himpunan seloka Pak Kaduk iaitu;

*Aduhai malangg sungguh nasib Pak Kaduk*

*Ayamnya menang kampungnya tergadai,*

*Ada nasi dicurahkaannya,*

*Awak pula kebuluran,*

(Cerita Jenaka Melayu 2007 m/s45)

Berdasarkan petikan seloka diatas, begitu jelas menggambarkan walaupun bahasa kiasan yang digunakan mempunyai aspek sindiran dan ejekan akan tetapi mempunyai unsur didikan yang terdapat disebaliknya. Pak Kaduk mencuba nasibnya dalam pertarungan menyabung ayamnya setelah mendengar perkhabaran daripada pihak Istana yang mengatakan Raja Indera Sari akan mengadakan aktiviti pertandingan menyabung ayam bersama Raja Indera Sari. Pak Kaduk begitu mengimpikan dan mengharapkan keuntungan yang berlipat kali ganda daripada Raja Indera Sari jika dia menang dalam pertaruhan itu. Watak Pak Kaduk yang seorang tamak ingin mendapat keuntungan besar telah diajak bertukar ayam dengan Raja Indera Sari. Pak Kaduk telah mempertaruhkan ayam jantannya dengan bangganya yakin dan melompat keseronokkan kerana menyangka ayamnya itu telah menang dalam pertandingan menyabung ayam sehingga baju kertas yang dipakainya telah koyak namun kekalahan menyebelahinya. Hal ini kerana, Raja Indera Sari telah membuat tipu helah terlebih dahulu sebelum menukar Si Jalak dan Si Kunaninya. Sikap Pak Kaduk yang suka berjudi itu telah menyebabkan dia

kehilangan harta bendanya dan terpaksa tinggal menumpang rumah orang lain. Hasil daripada seloka Pak Kaduk itu telah memberi didikan kepada seseorang bahawa jangan sesekali terlibat dengan aktiviti perjudian. Aktiviti berjudi bukan sahaja salah disisi agama islam malahan akan membawa impak buruk seperti kerugian dan kepapaan.

Sindiran yang cuba ditonjolkan oleh watak Pak Kaduk ialah satu keinginan dan kemahuan untuk memperolehi sesuatu hasil dengan banyaknya hanya dengan mempertaruhkan nilai mata wang yang sedikit demi mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Sikap yang melakukan kerja haram seperti perjudian secara langsung akan mendatang hasil yang sia-sia dalam kehidupan dan akhirnya langsung tidak mendatang keuntungan, malahan kerugian akan menimpa dalam kehidupan. Akhirnya, dengan sikap yang suka berjudi ini menyebabkan seseorang itu menjadi papa kedana. Sikap tersebut telah terpaparkan melalui seloka Pak Kaduk. Unsur didikan yang cuba disampaikan pada watak Pak Kaduk jelas menunjukkan bahawa seloka Pak Kaduk ini mengkritik dan menyindir akan perilaku Pak Kaduk yang bersikap negatif. Solusi daripada watak negatif yang cuba disampaikan dalam seloka ini melalui Pak Kaduk jelas penulis cuba untuk memberikan didikan disebalik unsur kritikan tersebut. Watak negatif yang telah disampaikan pada watak Pak Kaduk tidak wajar diambil contoh dan sebaliknya dianggap sebagai ikhtibar dan didikan pada diri sendiri agar menjauhi sesuatu akhlak yang buruk supaya tidak mendatangkan kerugian serta penyesalan kepada diri sendiri pada masa akan datang.

Manakala dalam seloka Pak Pandir pula kita dapat lihat melalui sisi yang berbeza pada watak Pak Pandir sebagai seorang orang tua yang bodoh. Pak Pandir tidak dapat menilai diantara kaca atau permata. Hal tersebut kerana Pak Pandir yang mudah berbuat baik pada orang yang salah. Watak Pak Pandir yang bodoh itu telah memakan dirinya sendiri sehingga tinggal sebatang kara. Peristiwa dan perbuatan yang ditampilkan pada watak Pak Pandir tersebut berfungsi untuk mendidik sesebuah masyarakat Melayu tradisi supaya tidak terlalu naif sehingga dapat ditipu sebulat-bulatnya pada orang yang baru dikenali tanpa menyelidik latar belakangnya terlebih dahulu. Peristiwa dan perbuatan yang terdapat pada watak Pak Pandir iaitu;

KELANTAN

*Anak dipijak dagang dijinjing*

*Kucingnya dibunuh anjing dibela*

Perbuatan dan sikap Pak Pandir yang lebih mengutamakan orang asing berbanding keluarganya sendiri. Gambaran petikan yang dipaparkan diatas, jelas menampilkkan sikap Pak Pandir yang bodoh, yang mana beliau bukan sahaja sanggup mengabaikan anaknya sendiri malahan telah menyakitinya sebagaimana dalam petikan “*anak dipijak*”. Manakala pihak yang tidak ada kaitan dengan keluarganya pula diberi layanan yang baik sebagaimana petikan “*dagang dijinjing*”. Pak Pandir suka memberi pertolongan kepada orang luar sedangkan ahli keluarganya sendiri disisihkan. Melalui sikap dan peristiwa yang terdapat dalam watak Pak Pandir mengadungi unsur didikan dan tauladan yang cuba ditampilkan melalui kisah atau perbuatan Pak Pandir. Sikap Pak Pandir hanyalah seseorang yang mewakili sikap keturunan Melayu tradisi yang perlu diberikan didikan dan teguran supaya mengubah sikap kearah yang lebih baik. Unsur didikan jelas disampaikan secara tersirat supaya tidak menyakiti atau menyinggung hati dan perasaan oleh mana-mana masyarakat Melayu tradisi secara khususnya. Ironinya seloka Pak Pandir merupakan sebuah seloka yang disampaikan secara halus akan tetapi mempunyai makna yang amat tajam apabila mendengar. Bunyi penyebutannya atau cara ungkapannya yang disampaikan adalah lembut akan tetapi sesiapa yang terkena akan berasa tajam terhadap sindirannya. Sindiran tersebut bukan semata-mata bersifat celaan atau ejekan akan tetapi penuh dengan fungsi didikan yang boleh diterapkan dalam diri bagi seseorang masyarakat Melayu tradisi sehingga sepanjang hayat. Jadi melalui watak Pak Pandir tersebut jelas sekali menunjukkan bahawa seloka Pak Pandir ini mempunyai unsur didikan supaya lebih mengutamakan keluarga sendiri berbanding orang luar yang tiada pertalian darah.

#### 4.2.2 Berfungsi Untuk Memberi Nasihat.

Dalam menyampaikan sesuatu pesanan atau peringatan, orang Melayu dahulu sangat gemar dengan menggunakan seloka sebagai salah satu medium untuk memberi nasihat kepada masyarakat. Sesuai dengan sifat halus dan sopan orang Melayu, puisi seloka merupakan wadah hiburan yang digunakan untuk mengkritik sebarang perlakuan negatif dalam anggota masyarakat tanpa menyinggung perasaan seseorang individu yang ingin disasarkan. Melalui Cerita Jenaka Melayu yang terkandung di dalam seloka Pak Kaduk ialah sikap yang tidak berkeperimanusiaan. Sikap ini ditonjol oleh watak Pak Kaduk yang

merupakan satu sikap yang negatif yang tidak seharusnya diperlakukan didalam diri pembaca maupun khalayak. Sikap tersebut juga tidak seharusnya dicontohi kerana sikap tersebut boleh mendatangkan kesan yang tidak baik pada diri sendiri dan juga pada orang lain. Oleh itu sikap tersebut digambarkan melalui watak Pak Kaduk yang tidak berkeperimanusiaan yang mana Pak Kaduk telah membunuh isterinya sendiri. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan seloka berikut;

*Ada isteri dibunuh,*

*Nyaris mati oleh takk makan*

(Seloka Pak Kaduk, Himpunan Puisi Klasik 59)

Berdasarkan petikan seloka yang tergambar dalam seloka Pak Kaduk tersebut begitu jelas menggambarkan watak Pak Kaduk sebagai seorang suami yang tidak berkeperimanusiaan terhadap sang isterinya sendiri iaitu Mak Siti. Pak Kaduk sanggup melakukan sesuatu perkara yang diluar jangkaan sehingga boleh menyebabkan kematian kepada isterinya akibat perbuatannya yang panas baran itu. Pak Kaduk tidak mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi telah sanggup melakukan sesuatu perkara yang dapat merugikan dirinya sendiri kerana telah membunuh isterinya sehingga Pak Kaduk sendiri nyaris-nyaris mati kebuluran disebabkan oleh tidak makan kerana tiada siapa yang ingin menyediakan keperluan makan dan minum setelah kematian isterinya. Pak Kaduk sanggup membunuh isterinya dengan memukul kepala isterinya dengan sebatang kayu api akibat sikap amarahnya yang hilang pertimbangan itu. Dalam seloka Pak Kaduk ini jelas memberi unsur nasihat disebalik kritikan yang ada pada watak Pak Kaduk yang tidak berkeperimanusiaan telah merugikan dirinya sendiri yang mana ia sanggup membunuh isterinya sendiri yang banyak berkorban menjaga makan minum Pak Kaduk serta memberi sokongan kepadanya selama ini. Sikap yang tidak berkeperimanusiaan yang terdapat pada watak Pak Kaduk ini memberi sindiran dan ejekan terhadap sesetengah masyarakat terutamanya Pak Kaduk dalam kehidupan sehari-hari agar tidak melakukan perbuatan yang merugikan serta mendatangkan penyesalan yang tiada kesudahan. Oleh itu, sikap dan tingkah laku yang ada pada Pak Kaduk amat tidak wajar untuk dicontohi dalam kehidupan sehari-harian.

Menurut Mana Sikana pada tahun (2003) dalam bukunya Sastera Melayu Klasik Warisan Keemasan beliau berpendapat bahawa watak ikon tokoh dan watak negatif yang mempunyai unsur nasihat harus dititikberatkan kerana ia mampu memberi seseorang masyarakat Melayu tradisi itu pengetahuan dan menasihati itu adalah perkara yang sangat penting kerana jika tidak dibimbing melalui nasihat hidup seseorang itu akan terumbang ambing kerana asyik bergantung hidup kepada orang lain dan sering menyusahkan orang lain. Oleh itu, pendapat yang cuba diutarakan itu adalah untuk menyedarkan masyarakat Melayu tradisi supaya tidak menjadikan watak negatif Pak Kaduk itu sebagai contoh yang baik kerana Pak Kaduk telah membunuh isterinya sendiri. Melalui seloka Pak Kaduk ini jelas memberi unsur nasihat kepada masyarakat Melayu tradisi supaya bertindak dengan baik sebelum melakukan sesuatu perkara yang buruk sehingga dapat memakan diri sendiri.

Selain itu, melalui dalam seloka Pak Pandir pula jelas menunjukkan seloka berfungsi sebagai untuk memberi nasihat kepada masyarakat Melayu tradisi dalam kehidupan seharian. Seloka Pak Pandir cuba menunjukkan bahawa Pak Pandir merupakan seorang lelaki yang suka berbuat baik tetapi tidak bertempat. Sikap ini telah ditonjolkan oleh watak Pak Pandir itu sendiri melalui seloka tersebut. Selain berfungsi sebagai hiburan, tepai juga juga direka sebagai tauladan terutama sekali golongan kanak-kanak pada ketika itu. Menurut A.Bakar Hamid (1974) Pak Pandir tergolong di dalam watak yang pintar tetapi bodoh. Hal tersebut dapat dibuktikan melalui petikan dalam seloka tersebut iaitu,

*Anak dipijak dagang dijinjing,*

*Kucingnya dibunuhan anjing dibela,*

*Harta habis bawaan tergadai,*

*Mendengar gelagat dagangg,*

*tidak sedar diri bertelanjang,*

(Seloka Pak Pandir, Himpunan Puisi Klasik 60)

Melalui petikan Pak Pandir diatas jelas menunjukkan bahawa seloka tersebut menggambarkan bahawa Pak Pandir lebih menyukai binatang seperti tikus yang boleh menjelaskan kesihatannya sendiri berbanding dengan membela binatang seperti kucing. Watak Pak Pandir yang lebih mempercayai dan berbuat baik dengan orang asing yang baru saja dikenalinya. Pak Pandir telah bersikap terlalu baik, namun silap pada tempatnya dengan menjinjing dagang tetapi berlaku kejam dengan perlakuan memijak anaknya sendiri. Dia telah membunuh kucing yang mempunyai sifat kemanjaannya tersendiri. Namun disebaliknya dia telah membela tikus yang sejenis binatang yang boleh memusnahkan harta benda dan kesihatannya. Oleh sebab sikap kebodohan dan kebaikkanya yang melampau itu Pak Pandir sering mempercayai orang luar dan mudah ditipu. Dia mudah mempercayai orang asing (*mendengar gelagatt dagang, tak sedar diri bertelanjang*). Akibatnya, harta dan nasib Pak Pandir sering dirundung malang yang berpanjangan. Melalui unsur sindiran yang terdapat didalam petikan seloka Pak Pandir ini jelas menunjukkan bahawa dapat memberi tauladan terhadap seseorang masyarakat supaya menjadi insan yang bijak dan dapat menggunakan kepandaian yang ada untuk memajukan diri sendiri.

Seloka Pak Pandir berfungsi untuk memberi nasihat kepada masyarakat Melayu tradisi supaya sentiasa beringat dan berwaspada akan menyebabkan kita lebih berhati-hati daripada terus ditipu oleh kata-kata dusta. Seseorang yang tidak mempunyai sikap beringat dan waspada dalam diri secara tidak langsung akan terlalu mudah untuk mempercayai kata-kata orang yang mana akhirnya akan menjadikan dirinya menderita. Sikap beringat dan berwaspada harus diterapkan dalam kehidupan seseorang daripada menjadi mangsa kerakusan sikap manusia yang tidak bertanggungjawab. Sikap dan perwatakan tersebut jelas dipaparkan dalam himpunan seloka Pak Pandir supaya dapat menasihati masyarakat Melayu tradisi untuk sentiasa berhati-hati dalam kehidupan.

#### 4.2.3 Berfungsi untuk memberi tauladan.

Watak Pak Pandir dalam seloka hadir sebagai aspek sindiran supaya masyarakat Melayu tradisi sentiasa berakhhlak baik. Hal ini bertepatan dengan tujuan penulis menghasilkan seloka bagi tujuan memberi nilai yang baik kepada masyarakat. Dalam petikan seloka Pak Pandir menggambarkan perbuatan Pak Pandir yang selalunya sering akan mendatangkan kerugian dalam kehidupannya. Penggunaan peribahasa yang

berunsurkan sindiran dalam seloka ini sedikit sebanyak boleh memberikan tauladan secara halus yang memerlukan masyarakat menakluk dengan akal budi bagi memahami. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan seloka berikut;

*Mendengar guruh dilangitt,*

*Air tempayan dicurahkan,*

(Himpunan seloka Pak Pandir)

Dalam petikan seloka diatas, “*mendengar guruh dilangit*” yang membawa kepada peristiwa Pak Pandir yang bersikap tamak. Oleh demikian kerana percaya bunyi guruh tersebut akan mendatangkan hujan yang begitu banyak. Lalu berlaku peristiwa seperti “*air tempayan dicurahkan*” yang pada akhirnya mendatangkan kerugian pada diri sendiri.

#### **4.3 Aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial masyarakat dalam seloka Melayu.**

Dalam kajian ini pengkaji telah mengkaji aspek sindiran yang dikatakan sebagai alat kawalan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi. Hal ini kerana seloka dikatakan mempunyai aspek sindiran untuk memberi teguran terhadap segelintir masyarakat dalam membentuk alat kawalan sosial. Seloka sering kali untuk mengkritik dalam kehidupan sosial masyarakat Melayu sebagai alat kawalan sosial atau protes sosial pada seseorang.

##### **4.3.1 Teguran.**

Alat kawalan sosial dalam seloka adalah salah satu cara untuk digunakan oleh segelintir masyarakat untuk mempengaruhi tingkah laku ahlinya supaya mereka mematuhi norma-norma sosial, tradisi dan pola-pola tingkah laku yang penting bagi melicinkan perjalanan masyarakat itu. Alat kawalan sosial dalam seloka juga turut berperanan dalam menegur masyarakat Melayu tradisi untuk mengikut peraturan-peraturan bagi menjamin kedamaian dan keharmonian dalam masyarakat. Dalam seloka Pak Kaduk telah

menggambarkan satu alat kawalan sosial negatif melalui watak Pak Kaduk yang membawa watak negatif pada setiap penceritaan dalam seloka Pak Kaduk. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan seloka berikut;

*Aduhai malang sunguh Pak Kaduk,*

*Ayamnya menang kampung tergadai,*

(Himpunan seloka Pak Kaduk)

Melalui watak dan perbuatan Pak Kaduk yang suka berjudi dengan menyabung ayam merupakan satu teguran dalam protes sosial yang cuba disampaikan kepada masyarakat Melayu tradisi agar tidak membentuk diri atau menjuruskan diri ke lembah haram. Protes sosial yang cuba disampaikan untuk menegur bahawa perbuatan menyabung ayam merupakan satu perbuatan yang tidak baik. Selain itu, sikap tersebut menegur watak Pak Kaduk yang bukan sahaja bodoh dan dungu malahan dia juga boleh dikatakan senang ditipu oleh Raja Indera Sari semasa sesi pertaruhan menyabung ayam sedang berlaku. Alat kawalan sosial yang cuba disindirkan kepada masyarakat Melayu tradisi terhadap segelintir masyarakat bahawa kesedaran disebalik perjudian ayam merupakan satu protes serta mengkritik agar tidak melakukan kerja haram yang tidak dapat memberi sebarang keuntungan kepada diri sendiri.

#### 4.3.2 Kesedaran.

Aspek sindiran yang telah disampai dalam seloka juga turut berperanan untuk memberi kesedaran dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi agar berkelakuan lebih baik dalam membentuk keperibadian yang lebih elok dalam perilaku sosial. Kesedaran dalam aspek sosial dalam seloka mendedahkan segala perbuatan dan sifat dalaman minda watak pada semua tahap kesedaran untuk menggambarkan alirannya. Perbuatan dan sifat tersebut termasuklah yang memberi emosi, renungan dan perilaku negatif yang terkandung dalam seloka Pak Pandir. Tujuan tersebut untuk memperlihatkan watak-watak negatif agar dapat memberi kesedaran disebalik perilaku sosial yang negatif. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan seloka berikut;

*Anak dipijak dagang dijinjing,*

Melalui aspek sindiran sebagai salah satu berperanan untuk memberi kesedaran sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan seseorang. Disebalik sindiran terhadap protes sosial dalam kalangan masyarakat melalui sikap Pak Pandir bukan sahaja sanggup mengabaikan anaknya sendiri malahan sanggup menyakitinya sebagaimana dalam perkataan seloka “*anak dipijak*”. Manakala pihak yang tidak berkaitan dengan keluarganya pula diberikan layanan yang baik sebagaimana “*dagang dijinjing*”. Seloka Pak Pandir ini telah menyindir masyarakat Melayu tradisi sebagai alat kawalan sosial terutamanya dalam hubungan kekeluargaan dan orang luar. Banyak kelemahan yang wujud di dalam kehidupan harian mereka. Watak Pak Pandir telah memberi gambaran seseorang masyarakat Melayu yang perlu diberikan teguran agar mengubah sikap yang negatif kepada positif. Teguran tersebut secara tidak langsung mampu memberikan kesedaran terhadap masyarakat Melayu tradisi dalam hubungan perilaku sosial supaya sentiasa mengubah sikap yang lebih baik dan menjauhi perkara yang tidak disukai. Hal ini kerana, masyarakat yang mengutamakan pihak lain daripada keluarga sendiri. Kadang-kadang sesetengah masyarakat suka memberi pertolongan kepada orang lain sedangkan ahli keluarga sendiri tidak dibantu. Maka melalui dalam seloka Pak Pandir aspek sindiran yang cuba disampaikan jelas bagi memberi kesedaran agar menjauhi sikap yang buruk sebagai salah satu alat kawalan sosial yang lebih sempurna.

#### 4.3.3 Akhlak.

Pak Kaduk ini digambarkan sebagai suami yang tidak bertanggungjawab terhadap sang isteri iaitu Mak Siti. Pak Kaduk mengenang akan nasib hidup bersama isterinya yang miskin. Penciptaan seloka ini menggambarkan pemikiran tentang kehidupan Pak Kaduk dan Mak Siti yang miskin serba kekurangan. Pak Kaduk dan Mak Siti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang demi meneruskan kelangsungan hidup. Pak Kaduk tanpa berfikir panjang telah menemui jalan singkat bagi mendapat sesuatu habuan yang menguntungkan kepadanya iaitu melibatkan diri dalam perjudian menyabung ayam. Aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial kepada masyarakat melalui sikap negatif Pak Kaduk bermula setelah Pak Kaduk pulang kerumahnya dalam keadaan hampa, marah dan lapar, lalu Pak Kaduk berasa berang tatkala ditanya oleh isterinya tentang juadah makanan yang dihadirinya. Pak Kaduk gagal mengawal emosi dan panas barannya lalu

membunuh isterinya dengan menggunakan sebatang kayu api. Aspek sindiran tersebut mengejek sikap Pak Kaduk yang tidak menggunakan akal fikirannya terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa sebarang tindakan. Sindiran terhadap pengucapan Pak Kaduk yang bersifat keterlaluan tersebut juga berlaku kerana terlalu marah, tidak dapat mengawal diri dan tidak memikir sebelum bertindak lalu akhirnya Pak Kaduk telah membunuh isterinya sendiri dengan menggunakan sebatang kayu api. Sikap negatif yang terdapat pada watak Pak Kaduk secara tidak langsung berperanan untuk membentuk hubungan dan peribadi sosial dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi terutama golongan suami agar menggunakan akal dengan baik sebelum bertindak diluar jangkaan.

#### **4.4 Bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka.**

Pada kajian yang ketiga ini pengkaji menganalisis bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka. Hal ini kerana fungsi seloka sebagai sindiran kepada masyarakat Melayu tradisi banyak bentuk-bentuk pengajaran yang dapat diambil sebagai ikhtibar dalam kehidupan seseorang itu. Secara tidak langsung dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada kehidupan dalam membentuk keperibadian yang lebih baik pada masa akan datang.

##### **4.4.1 Pengajaran tidak melibatkan diri dalam kegiatan haram.**

Bentuk-bentuk pengajaran yang dapat diambil daripada seloka Pak Kaduk ialah janganlah sesekali kita melibatkan diri dalam kegiatan yang haram. Hal ini kerana kegiatan haram merupakan satu aktiviti yang tidak baik dan tidak sihat yang tidak patut dijadikan amalan seharian dalam kehidupan. Pengkaji dapat membaca minda pada watak dalam seloka Pak Kaduk sebagai seorang lelaki tua yang suka melibatkan diri kegiatan haram seperti pertandingan menyabung ayam jantannya iaitu Si Kunani. Pak Kaduk lebih rela membuat kerja haram berbanding membuat kerja yang lebih berfaedah demi mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan seloka berikut;

*Aduhai malang sunguh Pak Kaduk*

*Ayamnya menang kampungnya tergadaii*

Bentuk pengajaran daripada unsur sindiran yang terdapat pada watak Pak Kaduk dalam seloka ini membuktikan bahawa watak Pak Kaduk seorang yang suka menyabung ayam. Pengajaran pada watak Pak Kaduk yang suka menyabung ayam tersebut adalah sindiran terhadap watak Pak Kaduk tersebut yang suka memperolehi sesuatu hasil dengan banyaknya hanya dengan hasil perjudian menyabung ayam. Maka pengajaran yang dapat diambil melalui seloka Pak Kaduk adalah kita janganlah sesekali melibatkan diri ke dalam kegiatan haram, hal ini kerana ia dapat memberikan kesan buruk dan akhir akan membawa padah kepada diri sendiri atau keluarga. Sebaliknya, jika kita ingin memperolehi sesuatu habuan yang banyak kita haruslah mencari sesuatu kerja yang baik serta halal demi menjamin masa depan. Selain itu juga kita haruslah terlebih dahulu berfikir secara matang sebelum melibatkan ke kancang perjudian, jika tidak penyesalan dan padah yang buruk akan menimpa pada kemudian hari. Jelaslah disini bahawa, melalui daripada kesan pada watak pengakhiran Pak Kaduk yang suka berjudi itu telah membawa pengajaran kepada semua orang bahawa kesan dan padah yang buruk akan diterima oleh seseorang itu jika melakukan perbuatan yang haram.

#### 4.4.2 Pengajaran jangan mengambil kesempatan terhadap golongan bawahan.

Bentuk-bentuk pengajaran yang dapat diambil daripada seloka Pak Kaduk yang seterusnya ialah kita janganlah sesekali mengambil kesempatan terhadap golongan bawahan demi kepentingan diri sendiri. Bentuk pengajaran yang dapat diambil pada watak Raja Indera Sari dalam seloka Pak Kaduk ini menyindir dan mengritik golongan pemerintah yang menggunakan kuasa dan kedudukan yang ada bagi tujuan untuk melakukan penindasan dan penipuan terhadap rakyat bawahan yang miskin dan lurus bendul seperti Pak Kaduk itu. Sindiran yang cuba disampaikan secara tersirat pada watak Raja Indera Sari ini merupakan satu pengajaran dan nilai yang mana golongan berkuasa ini suka memperbodohkan rakyatnya bagi tujuan untuk kepentingan dirinya sendiri. Dalam seloka Pak Kaduk aspek sindiran dan kritikan terhadap tindakan dan sikap Raja Indera Sari yang suka mengambil kesempatan terhadap kebodohan Pak Kaduk sehingga nasibnya ditimpa malang sepanjang hari. Pak Kaduk yang menyabung ayamnya bersama

Raja itu. Sebelum ayamnya akan disabungkan dalam pertaruhan itu, Raja telah pun membuat satu nippu muslihat dengan menukar ayam baginda dengan ayam Pak Kaduk.

Sikap Pak Kaduk yang bodoh dan bendul itu telah menggadaikan kampungnya sendiri kepada Raja, awalnya Pak Kaduk meminjam wang sebanyak 50 rial sebagai wang pendahuluan dalam pertarungan menyabung ayamnya itu. Pada pengakhiran ceritanya, ayam Pak Kaduk telah kalah dalam pertaruhan itu dan akhirnya ayam Raja yang menang melalui tipu helah muslihat Raja itu. Pak Kaduk tergadai kampungnya sendiri dan terpaksa pulang ke rumah dalam keadaan bertelanjang bolat dan malu. Melalui sindiran pada watak Raja tersebut jelaslah memberikan pesanan dan nasihat kepada golongan pemerintah agar tidak salah menggunakan kuasa yang ada pada diri sendiri bagi tujuan untuk kepuasan diri dan kepentingan diri tanpa memikirkan nasib orang lain. Jadi, disebalik aspek sindiran yang terdapat pada perbuatan Raja Indera Sari tersebut memberikan pengajaran kepada golongan yang berpengaruh serta mempunyai kuasa supaya tidak sewenang-wenangnya suka mengambil kesempatan terhadap rakyat demi menunaikan kepuasan hati dan kepentingan diri sendiri. Sebagai Raja yang mempunyai kuasa mutlak terhadap golongan bawahan seharusnya mereka membela nasib dan memberi tunjuk ajar yang baik kepada rakyat bawahan dan bukannya sesenang hati menjadikan rakyat itu sebagai bahan boneka untuk dibuat main. Bentuk pengajaran yang dapat diambil melalui watak dan perbuatan Raja Indera Sari sememangnya amat tidak wajar untuk dicontohi oleh golongan yang berkuasa pada hari ini, sebalik harus memberi kebaikan serta memberi contoh yang baik kepada rakyat.

#### 4.4.3 Pengajaran jangan bersikap tamak haloba.

Aspek yang menyindir sikap Pak Kaduk yang tidak bersyukur dengan segala nikmat yang telah diberikan. Pak Kaduk sanggup menyuruh isterinya membuang nasi ketanah lalu bagi kepada ayamnya. Pada pertengahan cerita menggambarkan Pak Kaduk yang telah dijemput oleh seseorang untuk makan kenduri. Jemputan yang kedua pula Pak Kaduk telah mendapat jemputan dari orang hilir sungai. Orang hilir sungai itu mempersilakan Pak Kaduk untuk makanan seekor kerbau pada waktu zohor. Seterusnya, Pak Kaduk dapat jemputan yang ketiga daripada orang hulu sungai untuk menjemput Pak Kaduk kerumahnya pada esok hari kerana jamuan memotong dua ekor lembu. Ketiga-tiga jemputan tersebut disanggup oleh Pak Kaduk. Akan tetapi nasib malang menyebelahi

kerana Pak Kaduk pulang kerumahnya dengan penuh kehampaan dan secara tidak sengaja dia telah membunuh isterinya sendiri. Hal ini dapat dibuktikan sikap tamak Pak Kaduk melalui petikan seloka berikut;

*Ada nasi dicurahkan,  
Awak pulang kebuluran!*

(Himpunan seloka Pak Kaduk)

Dalam seloka Pak Kaduk ini menggambarkan sindiran pemikiran dan sikap Pak Kaduk yang tamak haloba. Pak Kaduk telah sanggup untuk datang ketiga-tiga kenduri itu ketika pada hari yang sama. Pada rumah kenduri yang pertama, setelah Pak Kaduk tiba semua juadah jamuannya telah kehabisan. Kelihatan orang turun berkusu-kusu dari rumah itu pulang ke rumah masing-masing. Kerana kelewatan Pak Kaduk tidak kesampaian untuk menjamu juadah jamuan di rumah kenduri itu. Pak Kaduk tidak berputus asa, dia terus berkayuh mudik menongkah air surut itu dengan terbengkil-bengkil untuk menghadiri jamuan yang kedua iaitu makan seekor kerbau dan jemputan yang kedua pula majlis memotong dua ekor lembu. Namun apakan daya semuanya sia-sia belaka kerana hajat dan keinginan untuk hadir kesemua kenduri tersebut tidak kesampaian. Akhirnya kepenatan dan kelaparan yang diterimanya. Berdasarkan seloka yang terdapat dalam kisah Pak Kaduk yang menggambarkan pemikiran dan sindiran pada watak Pak Kaduk yang bersikap tamak haloba. Kesemua jemputan kenduri itu telah disanggupi olehnya.

Tatkala, dengan sikap tamak haloba tersebut menyebabkan Pak Kaduk itu tidak dapat merasakan sedikit pun juadah yang dihadirinya. Kehampaan, kepenatan dan kekecewaan yang diterimanya sahaja. Bak kata pepatah yang dikehjarnya tak dapat, yang dikendong berciciran. Oleh itu, disebalik seloka Pak Kaduk ini memberi pengajaran pada masyarakat Melayu tradisi agar janganlah sesekali menanam sikap tamak haloba dalam kehidupan harian. Hal ini kerana, sikap tamak haloba merupakan sikap yang tidak baik kerana akan mendatangkan kerugian disebalik keuntungan. Sebalik kita janganlah tamak dan perlu bersyukur dengan apa rezeki yang diberikan oleh Allah pada setiap hambanya.

#### 4.4.4 Pengajaran jangan malas berusaha.

Aspek sindiran yang terdapat di dalam seloka Pak Pandir memberi gambaran kepada watak Pak Pandir yang hidupnya yang malas berusaha untuk mendapatkan apa-apa yang diinginkan. Sikap negatif seperti malas berusaha yang dibawakan oleh Pak Pandir memberi gambaran tauladan kepada masyarakat Melayu tradisi agar rajin berusaha untuk mendapat apa yang dihajati. Sindiran yang cuba disampaikan kepada sesetengah masyarakat yang malas berfikir serta malas bekerja. Tujuan aspek sindiran tersebut bukan sekadar untuk mengkritik, mengejek, tetapi juga untuk memperbaik dan memperbetul keadaan dengan senjata cemuh, kecaman dan menghakiman moral. Melalui watak Pak Pandir malas berfikir dan malas berusaha untuk mencari jalan bagi mencari duit bagi menapung kehidupannya. Oleh kerana Pak Pandir terlalu mendengar kata pihak yang lain, hidup mereka terikat dan tidak mampu hidup bebas berdikari dan melaksanakan kerja tanpa dikongkong. Seolah-olah mereka sudah menjadi hamba kepada pihak lain lantaran sikap mereka yang tidak mahu berusaha dan akhir tidak mampu berdikari.

Watak Pak Pandir yang malas melakukan sesuatu perkara dan pekerjaan dan tidak melakukannya secara bersungguh-sungguh. Segala kerja yang dilakukan dibuat hanya setengah jalan sahaja. Sikap Pak Pandir yang malas tersebut jelas memberi gambaran contoh yang baik kepada masyarakat Melayu tradisi secara amnya agar rajin berusaha dalam menggapai perkara yang diinginkan. Hasil daripada rajin bekerja secara tidak langsung dapat menambah ilmu dan pengalaman dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, dengan ilmu dan pengalaman yang sedia kala akan dapat membantu seseorang itu boleh berdikari pada masa akan datang dan tidak mudah menjadi hamba kepada orang lain.

#### 4.4.5 Pengajaran jangan mudah mempercayai orang asing.

Watak Pak Pandir digambarkan sebagai seorang yang lebih mengutamakan orang asing berbanding keluarganya sendiri. Kepercayaan Pak Pandir kepada orang luar dari keluarganya sangat tinggi dan telah membawa padah serta kesan buruk pada dirinya. Hal ini memberi persepsi bahawa watak Pak Pandir memiliki karakter yang tidak yakin kepada diri sendiri dan sesenang hati mudah mempercayai orang luar. Kerana terlalu percaya, Pak Pandir menyerah sebulat-bulatnya urusan diri sendiri kepada orang yang tidak dikenalinya. Hal ini dapat dibuktikan melalui seloka berikut;

*Kucingg dibunuuh, tikus dibela,*

*Harta abis tergadaii*

*Mendengar gelagak dagang,*

*Tak sedar diri bertelanjang,*

(seloka Pak Pandirr, himpunan puisi klasik m/s 61)

Dalam petikan diatas memerlukan ketajaman akal fikiran untuk memberikan tanggapan tentang watak Pak Pandir. Norma masyarakat Melayu yang suka mendahuluikan orang lain diperkatakan oleh Noriati (2005), yang mana beliau mengatakan orang Melayu mempunyai satu sikap mengutamakan perasaan orang lain berbanding diri sendiri dalam apa sahaja situasi yang memerlukan pertimbangan untuk membuat apa-apa sebarang keputusan. Pengajaran yang dapat diambil melalui aspek sindiran terhadap seloka Pak Pandir ini ialah kita haruslah bijak membuat sebarang tindakan dan jangan mudah mempercayai orang asing yang baru dikenali. Sikap tersebut memberikan peringatan kepada masyarakat Melayu tradisi agar jangan mudah mempercayai orang asing dan akhirnya boleh memakan diri sendiri. Sebarang tindakan dan jaminan haruslah mempunyai komunikasi yang baik bagi setiap individu supaya kesepakatan dapat dicapai bersama dan boleh mengelakkan berlakunya pertentangan dari aspek tujuan peribadi seperti pembohongan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang telahpun dikaji dan dianalisis oleh pengkaji mendapati bahawasanya begitu banyak aspek sindiran yang terkandung didalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Walaupun seloka mempunyai banyak aspek sindiran dan kritikan yang sukar difahami oleh khalayak ataupun pembaca akan tetapi seloka banyak memberikan mesej pengajaran seperti nasihat, didikan dan contoh yang baik dalam teks seloka. Hal ini kerana, seloka dicipta oleh masyarakat dahulu sebagai wadah dan platform dalam seloka untuk menyampaikan sesuatu yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat Melayu tradisi sehingga ke hari ini. Disamping itu, penyampaian seloka juga dianggap sebagai satu alternatif bagi menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat melalui cara penyampaian yang halus dan tersirat itu. Disebalik aspek sindiran yang disampaikan atau diceritakan secara tersirat itu ternyata terdapat juga unsur moral dan nilai murni agar dapat dijadikan ikhtibar dalam kehidupan serta membawa mesej kritikan sosial yang ditujukan kepada gelintir golongan masyarakat. Melalui setiap gambaran kehidupan masyarakat dan bait-bait kata yang terdapat didalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir seperti menyindir, mengejek, menempelak orang, melahirkan rasa benci terhadap perilaku manusia, akan tetapi ianya adalah dapat memberi pengajaran, teguran, didikan dan nasihat kepada seseorang itu dalam berkeperibadian yang lebih baik

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### CADANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji membincangkan berkenaan cadangan dan rumusan dari segi aspek sindiran yang terdapat dalam puisi tradisional seloka. Seloka merupakan puisi yang agung sifat yang sehingga mampu mencorakkan sesuatu perilaku yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi. Pepatah Melayu pernah berkata bahawasanya ‘*biar mati anak jangan mati adat*’ menunjukkan bahawa tingginya nilai seloka kepada masyarakat sehingga memberikan pelbagai pengajaran dalam kehidupan. Kehidupan masyarakat Melayu tradisi dilihat berpandukan kepada sensitiviti yang disampaikan melalui lisan dalam seloka tersebut. Hal ini kerana, masyarakat Melayu tradisi diajar dan diasuh dengan amalan-amalan hidup yang sarat dengan sifat sopan dan tata tertib yang tinggi. Oleh yang demikian, sejak zaman dahulu lagi, masyarakat Melayu tradisi telah menerapkan dalam diri mereka dengan berpandukan hidup kepada undang dan peraturan yang dikenali sebagai sastera Melayu tradisional yang berbentuk puisi. Secara tidak langsung, ia dapat dikaitkan dengan cara masyarakat Melayu tradisi pada zaman dahulu dalam memberi gambaran kehidupan mereka yang sebenar.

Masyarakat Melayu tradisi yang pada ketika dahulu sangat menitikberatkan tradisi lisan dengan menggunakan bentuk-bentuk sastera Melayu tradisional seperti syair, seloka, pantun, peribahasa, pepatah bagi menggambarkan kehidupan dan idealogi mereka. Selain itu, terdapat juga cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji untuk panduan serta sumber rujukan pada pihak yang berkenaan. Hal ini penting untuk semua lapisan masyarakat. Tanpa mengira pangkat, umur, bangsa dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia akan dapat memartabatkan sastera agar setanding dengan bidang kursus yang lain selain sastera melayu. Cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji ini adalah penting bagi menjaminkan puisi Melayu tradisional seperti seloka ini setanding dan sehebat dengan genre-genre sastera yang lain.

## 5.2 CADANGAN

Aspek sindiran adalah salah satu unsur yang amat penting dalam bidang sastera yang menjadi tunjang kepada proses perubahan yang baik sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Aspek sindiran dan kritikan sastera menjadi pelengkap yang membuat pertimbangan-pertimbangan nilai terhadap sesebuah karya sastera yang penuh dengan estetika. Aspek sindiran berfungsi untuk seseorang pengkritik itu akan menjustifikasikan dalam naskah kritikannya. Kritikan juga boleh membantu untuk membina sesebuah teori dan pendekatan baharu. Berdasarkan kajian sindiran dan kritikan yang dibuat terhadap sesebuah teks secara tidak langsung akan mendorong kemunculan sesebuah teori atau pendekatan baharu. Oleh itu, pengkaji telah mencadang beberapa cadangan berkenaan dengan bidang sastera agar terus kekal kerelevannya.

### 5.2.1 Peranan Pelajar Sekolah.

Dalam institusi pendidikan yang sangat luas pada masa kini mampu diberikan peluang dan memperkenalkan bidang sastera dengan lebih mendalam. Institusi pendidikan ia merupakan tunjang utama yang mampu mengangkat dan memartabatkan bidang sastera dengan lebih luas. Sebelum ini pernah timbul isu yang segelintir kalangan masyarakat mahupun pelajar yang menganggap mata pelajaran sastera sebagai mata pelajaran yang tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Secara tidak langsung mata pelajaran sastera sering dicemuh dan dipinggirkan dalam kalangan pelajar sekolah. Oleh yang demikian, bagi menjaminkan kerelevanannya bidang sastera agar terus dikenali setanding dengan mata pelajaran yang lain, maka mata pelajaran haruslah dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib sama seperti mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal dikatakan demikian kerana, mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sastera mempunyai hubungan yang sangat erat mempunyai bahasa, penghayatan, pemikiran, penulisan dan sebagainya. Bagi memartabatkan lagi bidang sastera, mata pelajaran sastera juga boleh dikenali serta menjadi mata pelajaran yang wajib semasa peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, secara tidak langsung bidang sastera dikenali dan diberikan perhatian semenjak kanak-kanak lagi. Dengan cadangan tersebut, bidang sastera akan terus berdiri teguh sama tinggi bersama mata pelajaran yang lain.

### 5.2.2 Peranan Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Melalui cadangan yang dicadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengariskan panduan kemahiran di dalam sukanan pelajaran kesusasteraan Melayu dan memberikan penekanan yang lebih khusus kepada pelajar berkenaan dengan aspek-aspek sindiran dan kritikan yang terdapat dalam seloka yang begitu banyak menerapkan unsur-unsur yang mampu mendidik kearah yang lebih baik. Hal ini kerana, disebalik aspek-aspek sindiran yang tajam itu banyak terkandung perkara yang baik sehingga mampu membentuk corak pemikiran seseorang pelajar. Pemilihan teks dan buku panduan haruslah dititikberatkan agar tidak berlaku sebarang isu atau kontroversi yang boleh menjaskan serta mencemar nama baik bidang kesusasteraan Melayu. Selain itu, pelbagai aktiviti yang bersesuaian perlu dijalankan. Sebagai contohnya aktiviti “*kempen puisi*”, “*pertandingan puisi*”, “*program penulisan kreatif*” dan sebagainya disetiap pelosok daerah mahupun negeri. Aktiviti ini secara tidak langsung dapat membantu untuk memperkenalkan puisi kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu juga dapat menambahkan daya pemikiran seseorang pelajar.

### 5.2.3 Peranan Guru.

Guru merupakan tunjang utama dalam mendidik pelajar dalam usaha untuk memartabatkan aspek sindiran yang terdapat dalam sesebuah puisi Melayu tradisional. Dalam era pendidikan masa kini, sastera mula diketepikan dan dipandang seorang oleh segelintir pelajar sekolah kerana ia sukar untuk dipelajari. Dalam konteks ini, guru perlulah memainkan peranan supaya mengubah corak pandangan pelajar terhadap mata pelajaran sastera disekolah rendah mahupun disekolah menengah. Guru haruslah bijak mempelbagaikan gaya serta teknik dalam setiap mata pelajaran sastera disekolah. Misalnya berpuisi, berlakon, bertanding dan sebagainya. Dengan cadangan tersebut ianya dapat menarik minat para pelajar supaya lebih meminati mata pelajaran sastera. Seterusnya, dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula, guru harus mempelbagaikan teknik tersebut. Guru hendaklah mengurangkan penggunaan buku-buku yang tebal supaya tidak membebankan para pelajar untuk membaca dan menghafal.

#### 5.2.4 Peranan Kerajaan.

Selain itu, pihak kerajaan juga turut memainkan peranan penting untuk mengiktirafkan bidang sastera agar terus dikenali sehingga ke persada dunia. Promosi dan pengiklanan mengenai sastera khususnya puisi harus diperluaskan lagi agar masyarakat dapat mengetahui tentang bahasa tersebut. Misalnya, mengadakan kempen membaca puisi, program nilam dan sebagainya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bidang sastera banyak menghasilkan banyak yang kritis dan berpuitis. Secara tidak langsung, bidang sastera dapat menyumbang dalam meningkatkan dan memartabatkan lagi keterampilan berbahasa Melayu dalam kalangan pembaca serta di kalangan masyarakat itu sendiri dapat mengangkat peradaban bangsa melalui hasil penulisan dalam bidang sastera.

### 5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Dalam bahagian ini perbincangan meliputi tentang implikasi kajian melalui perbincangan dapatan kajian pada sebelum ini. Antara implikasi yang dibahaskan ialah pembaharuan hasil daripada kajian ini. Implikasi kajian menyarankan kajian berkenaan terutamanya seloka harus dilakukan dan diteruskan oleh para pengkaji untuk masa yang akan datang. Implikasi dan cadangan kajian ini mampu memartabatkan lagi bidang seloka kekal relevan untuk jangka hayat yang lama dan tidak ketinggalan zaman oleh kajian-kajian yang lebih moden. Disamping itu, kajian yang dilakukan tersebut dapat membantu banyak pihak mempertingkatkan kualiti bidang seloka itu sendiri khususnya dalam pendidikan matapelajaran sastera. Golongan yang disasarkan adalah golongan pendidik, pelajar sekolah ataupun pelajar universiti. Dalam konteks ini, penggubal dasar perlu memahami skop kognitif pelajar yang lebih sesuai agar tidak mendatangkan beban dan kesan yang ketara dalam sistem pendidikan yang sedia ada.

Seterusnya, bagi para penyelidik atau pengkaji, kajian seperti ini merupakan satu pembaharuan kepada kajian yang telah banyak dijalankan pada masa lalu. Ini bukan menjadi alasan dan halangan untuk pengkaji yang sebelum ini terus memberi galakan serta dorongan kepada penyelidik baru kerana idealogi dan perspektif yang berbeza. Disamping itu, ideologi yang ada perlu dicurahkan kepada penyelidik baru agar kajian yang dilakukan lebih mantap. Oleh itu, amat wajar bagi semua pengkaji melihat semula

peranan dan bagaimana ideologi dapat digunakan dengan lebih berkesan dan dipertingkatkan dalam sesebuah kajian.

Pembaharuan daripada kajian tersebut mampu mengangkat bidang sastera terutamanya seloka supaya terus mendapat perhatian dan minat dalam kalangan pengkaji untuk menjalankan kajian bagi masa yang akan datang. Kajian berkenaan juga mestilah diberikan penghargaan serta galakan oleh seseorang pengkaji itu bagi mengangkat aspek teladan dalam seloka Melayu dari satu sudut pandang yang baik. Secara langsung kajian seloka ini mampu membawa impak yang baik kepada seseorang pengkaji itu.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 5.4 RUMUSAN

Pengkaji telah menganalisis aspek-aspek sindiran yang terdapat dalam seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir. Dalam analisis ini pengkaji telah menggunakan buku *Himpunan Puisi Klasik* dan buku *Cerita Jenaka Melayu 2007* sebagai bahan rujukan dan panduan dalam kajian ini. Buku-buku tersebut, banyak menerapkan beberapa seloka dan aspek sindiran yang boleh pengkaji jadikan bahan rujukan bagi menyiapkan tugas ini. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan perpustakaan sebagai bahan sumber utama untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat berkenaan dengan kajian pengkaji. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan sumber internet sebagai bahan kajian. Secara keseluruhannya, seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir banyak mempunyai nilai, pengajaran, didikan, nasihat yang tersendiri yang secara tidak langsung menggambarkan kehidupan serta perilaku masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala. Ia dapat dibuktikan melalui penggunaan kata dan gaya bahasa yang telah digarapkan dalam seloka bagi panduan hidup kepada masyarakat Melayu tradisi. Walaupun banyak sindiran dan cemuh yang dilontarkan, akan tetapi ianya penuh dengan unsur baik yang telah disampaikan secara tersirat itu. Kajian ini secara langsung dapat menyedarkan bahawa sindiran yang diterjemahkan dalam seloka dikatakan mempunyai nilai yang tinggi dan sewajarnya dikatakan contoh yang baik untuk semua lapisan masyarakat. Kebanyakkan seloka menggunakan kata-kata ayat pendek tetapi mampu memberi kesan yang mendalam kepada pembaca mahupun masyarakat Melayu tradisi. Misalnya dalam seloka “Pak Kaduk”. Walaupun sindirannya begitu amat sinis akan tetapi kata-kata sindirannya mampu memberi tauladan yang baik kepada semua lapisan masyarakat sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan seloka “Pak Pandir”. Walaupun sindirannya begitu tajam akan tetapi mampu mengubah corak pemikiran dan kehidupan seseorang tu dengan lebih baik serta lebih sempurna.

## 5.5 PENUTUP.

Secara keseluruhannya, puisi Melayu Tradisional seloka banyak mempunyai aspek-aspek sindiran didaktik yang begitu tinggi nilainya. Seloka Pak Kaduk dan Pak Pandir yang sarat dengan hiburan dan kelucuan dikatakan berasal daripada bahasa Saskrit dan merujuk kepada perkataan sindiran atau mengejek yang disampaikan kepada masyarakat Melayu tradisi. Disamping itu, cadangan yang di cadangkan oleh pengkaji merupakan satu cadangan yang perlu diambil cakna bagi pihak yang bertanggungjawab dalam bidang sastera agar terus utuh kerelevannanya. Oleh itu, dengan cadangan yang telah diwartakan tersebut, pengkaji tersebut agar bidang sastera dan kajian seperti ini terus mendapat tempat dan mendapat perhatian kepada masyarakat. Secara tidak langsung, bidang sastera mampu bertahan lama dan terus mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat terutamanya pelajar, guru dan orang-orang yang berkaitan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

- Athirah Rahim. (2015). *Satira kesusasteraan dalam konteks sosiobudaya India (India): Kajian terhadap filem 3 Idiots (2009) dan Pk (2014)*. Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Filem, Teater dan Animasi. Universiti Teknologi Mara Kampus Puncak Perdana Shah Alam, Selangor.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Bahasa laporan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar Teori Dan Kritikan Sastera*. Selangor. Persatuan Penulis Budiman Malaysia. Universiti Malaya.
- Amin Sweeney. (2005). *Karya lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*. Jakarta. Kepustakaan Populer Gramedia. ISBN 97991100291.
- Arni Chairul. (2019). Kearifan lokal dalam tradisi mencoliak anak pada masyarakat adat Silungkang. *Jurnal Penelitian Sejarah dan Budaya*. Vol, No 2 (2019). ISSN: 2655-8254.
- Bejo Budianto. (2012). Pembelajaran ilmu pengetahuan sosial berbaris bahasa lokal. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Ilmu Pengetahuan Sosial*. Volume 1, No 1. ISSN: 20899661.
- Darmawan (2008). Penelitian etnografi komunikasi: tipe dan metode. *Jurnal Komunikasi*, 9 (1), 181-188.
- Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad. (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden (1920-1940)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2005). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Yusof. (2008). *Kesusasteraan Melayu lama dan baru*. Universiti Utara Malaysia. Sintok. ISBN 9789833827541.
- Iswadi Bahardur. (2018). Kearifan lokal budaya minangkabau dalam seni pertunjukkan tradisional randai. *Jurnal Kajian Sastra*. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa 2018-12-01. ISSN 20892926.
- Jeffri Syed Jaafar. (2019). Unsur kearifan tempatan dalam seni persembahan Melayu-Islam: Analisis dari perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*. Vol. 16, No 2, 321-352.
- Mohd Taib Osman. (2007). *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur. Yayasan Karyawan.
- Mustafa Mohd Isa. (1999). *Kajian teks Melayu klasik terpilih*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Norhasimah Ismail. (2017). The Human Capital in Seloka Pak Kaduk. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, volume 1251st International Conference on Intellectuals' Global Responsibility.
- Muawanah. (2016). Pandangan dunia pengarang dan konteks sosial "rumah tanpa jendela" karya Asma Nadia. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Seloka 5 (1) (2016). ISSN 23016744.
- Nordiana Ab Jabar & Faradi Ghazali. (2021). Komunikasi Bahasa Sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Vol 37, No1. Pp.364-378. ISSN: 22891528.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Selangor Darul Ehsan, Shah Alam.
- Norsyahida & Azuwan. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Volume 7 (December 2017). ISSN: 22897208.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'i. (2012). 'Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepemimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Insan'. *Jurnal Melayu Edisi 9*. PPBKKM.
- Natalia Lopes, Amir Hamzah & Debora Budiyono. (2016). Kajian kearifan lokal masyarakat dalam melestarikan landskap Candi Sumberawan. *Publikasi artikel Fakultas Pertanian, Universitas Tribhuwana Tunggadewi*. Vol 4, No 1.
- Nordiana Ab Jabar. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Vol 7, No 1. ISSN: 22895000.
- Nazreen & Rahimah. (2017). Kearifan Melayu dalam syair Dang Sirat. *Akal budi dalam sastera rakyat naratif dan bukan naratif*. Editor Rahimah A. Hamid, Nurul Farhana Low Abdullah. Sinaran Bros Sdn Bhd. Universiti Sains Malaysia. ISBN 8789674611743.
- Rinitami Njatrijani. (2018). Kearifan lokal dalam perspektif budaya Kota Semarang. *Gema Keadilan, Edisi Jurnal. Volume 5, Edisi 1*. ISSN: 0853011. Universiti Diponegoro Semarang.
- Noremawati Binti Ajis. (2009). *Unsur-unsur kritikan dalam puisi melayu tradisional seloka*. Ijazah Sarjana Muda. Fakulti bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.
- Md Ali Bin Bachik. (2003). *Khazanah Puisi Klasik Melayu*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (ILADAM)
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (2003). *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mana Sikana. (2016). *Teori Sastera Kontemporari*: Edisi XII. Selangor Darul Ehsan Bandar Baru Bangi.
- Norazimah Zakaria. (2014). `Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir`. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134,259-269.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2013). `Ikon Wanita Melayu-Islam Dalam Novel Tunggu Teduh Dulu`. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Jilid 1/Jan/2013, 169-184
- Zurinah Hassan. (2016). *Puisi Melayu Tradisional Edisi Sasterawan negara*: Selangor Darul Insan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN